

PEMBENTANGAN
RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU
TUN HUSSIEN ONN 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Rakyat
Oleh Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussien Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dan dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussien Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan kuasa yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru ataupun KWSG telah ditubuhkan sebagai satu badan berkanun pada tahun 1962 di bawah Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 LN 29/1962. Penubuhan KWSG pada ketika itu bertujuan untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru bukan kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan ataupun *Unified Teaching Service* (UTS) melalui sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru UTS yang mencarum kepada tabung berkenaan. Pada tahun 1972, sebahagian besar daripada guru UTS telah memilih untuk berkhidmat sebagai guru kerajaan sepenuhnya melalui tawaran Suruhanjaya Diraja Aziz. Dalam hal itu, guru-guru tersebut tidak lagi wajib untuk mencarum kepada KWSG kerana guru-guru berkenaan telah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, fungsi KWSG adalah terhad kepada menerima caruman daripada guru-guru UTS yang tidak memilih skim-skim guru kerajaan dan menguruskan dana caruman tersebut hingga semua guru yang mencarum dalam KWSG layak untuk mengeluarkan wang caruman masing-masing apabila telah mencapai umur persaraan. Berdasarkan fungsi KWSG sebagaimana yang

dinyatakan, pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividennya pada tahun 2007. Dalam hal ini, pencarum dan warisnya yang tidak mengeluarkan wang caruman berserta dividen mereka, wang tersebut dipindahkan kepada pendaftar wang tidak dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 dalam Akta 370.

KWSG telah mencapai matlamat penubuhannya dan telah melunaskan fungsinya sebagai pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividennya pada tahun 2007. Sehubungan dengan itu adalah wajar KWSG dibubarkan memandangkan tujuan penubuhannya sebagai tabung persaraan tidak lagi relevan. Pembubaran KWSG bertujuan untuk membolehkan aset KWSG dimanfaatkan untuk pembangunan profesionalisme dan kebajikan guru serta pendidikan anak-anak guru melalui sebuah yayasan. Ini adalah wajar kerana dana KWSG adalah asalnya berkaitan dengan kebajikan guru. Oleh itu, yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Guru Tun Hussien Onn dicadangkan ditubuhkan sebagai badan berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada sektor awam.

Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini tidak menerima geran permulaan atau peruntukan tahunan daripada kerajaan. Kewangan yayasan ini akan menggunakan dana sedia ada yang telah dijana oleh KWSG yang akan dipindahkan kepada Yayasan. Selain daripada itu, Yayasan juga akan menjana pendapatan melalui hasil daripada aktiviti pelaburan serta perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat yang akan ditubuhkan. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini akan memberi manfaat kepada semua guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ataupun (PPP) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Selain daripada itu, anak-anak guru juga turut menerima faedah daripada penubuhan Yayasan ini.

Yayasan yang akan ditubuhkan ini berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru seperti menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang yang berimpak tinggi serta berterusan kepada kumpulan guru terutama dalam kalangan guru bukan pentadbir. Selain daripada itu, yayasan ini juga bertujuan membantu guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak layak mendapat biasiswa atau pembiayaan daripada kerajaan kerana faktor umur yang melebihi had yang ditetapkan. Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan pelanjutan umur had persaraan kepada 60 tahun.

Selain daripada itu, Yayasan juga berfungsi untuk membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan mereka. Ini

bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan yang boleh membantu kementerian meningkatkan kualiti pendidikan dengan kaedah dan inovasi terkini selari dengan perkembangan pendidikan sejagat. Kebajikan guru yang menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan, sehubungan dengan itu, antara fungsi Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini adalah untuk membantu Kementerian Pendidikan menjaga kebajikan guru. Yayasan akan memberi keutamaan kepada guru-guru yang memerlukan bantuan seperti bantuan kecemasan, bencana alam, khairat kematian dan bantuan peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda.

Ini bertujuan untuk meringankan bebanan guru sebagai tanda penghargaan kepada guru-guru yang banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa. Selain daripada kebajikan kepada guru, pendidikan anak-anak guru juga tidak diabaikan. Sehubungan dengan itu, fungsi Yayasan juga adalah membantu dalam pendidikan anak guru seperti bantuan yuran pengajian kepada anak guru yang hilang tempat bergantung dan tidak mendapat bantuan serta pembiayaan daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan (8) bahagian yang merangkumi 49 fasal dan juga satu (1) Jadual seperti berikut.

Bahagian I, Fasal 1 hingga 2 memperuntukkan tentang perkara permulaan.

Bahagian II, Fasal 3 rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan yayasan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan. Fasal 4 bertujuan untuk membenarkan Yayasan mempunyai meterai perbadanan.

Bahagian III, Fasal 5 hingga 8 memperuntukkan tentang fungsi dan juga kuasa Yayasan. Antara fungsi yayasan yang diperuntukkan dalam fasal 5 ialah:

- a) membantu Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti dalam
- b) meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.
- c) membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dan
- d) meningkatkan kualiti pendidikan negara.
- e) melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai manfaat atau perlu
- f) dalam menjaga kebajikan guru dan; dan
- g) membantu pendidikan anak-anak guru.

Fasal 6 memperuntukkan mengenai kuasa Yayasan untuk melakukan suatu perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya seperti:

- a) kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan.
- b) kuasa untuk memberi pinjaman, pembiayaan atau biasiswa;
- c) kuasa untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia bagi membangun dan memajukan profesional perguruan; dan
- d) kuasa untuk menyediakan geran penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Bahagian IV, Fasal 9 hingga Fasal 18 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan kuasa Lembaga Pemegang Amanah. Keanggotaan lembaga, tempoh jawatan anggota lembaga, pembayaran elaun kepada anggota lembaga, pembatalan pelantikan, perletakan jawatan dan pengisian jawatan lembaga serta memberi kuasa kepada lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya.

Bahagian V, Fasal 19 hingga Fasal 22 memperuntukkan mengenai pekerja Yayasan termasuk peruntukan bagi pelantikan dan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan.

Bahagian VI, Fasal 23 hingga Fasal 33 mengandungi peruntukan berkaitan kewangan. Antara perkara yang diperuntukkan di bawah bahagian ini ialah peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Peruntukan bagi perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang, menghendaki Yayasan menyediakan anggaran perbelanjaan, membenarkan Yayasan membuka dan menyelenggarakan akaun bank, meminjam dan melabur wang Yayasan serta menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Bahagian VII, Fasal 34 hingga Fasal 40 mengandungi peruntukan am. Antaranya ialah peruntukan pendakwaan kesalahan dan memberi Yayasan kuasa seperti kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Bahagian VIII, Fasal 41 hingga Fasal 49 mengandungi peruntukan berhubung kecualian dan peralihan.

Fasal 41 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kuasa, hak keistimewaan, liabiliti, tanggungjawab dan kewajipan KWSG kepada Yayasan sebaik

selepas ia dibubarkan pada hari yang ditetapkan menurut peruntukan undang-undang.

Fasal 42 meletakkan harta KWSG yang akan dibubarkan dipindahkan kepada Yayasan. Fasal 43 mengadakan peruntukan tentang peralihan surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang terletak hak kepada KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan.

Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan; manakala Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan tawaran kepada pekerja KWSG yang akan dibubarkan untuk terus menjadi pekerja Yayasan.

Fasal 46 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan KWSG yang akan dibubarkan untuk diuruskan oleh Yayasan. Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan prosiding sivil dan jenayah.

Fasal 48 mengatakan sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai KWSG yang akan dibubarkan hendaklah nanti ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yayasan. Fasal 49 membenarkan penggunaan nama kumpulan Wang Simpanan Guru oleh Yayasan dan melarang penggunaan nama ini dari mana-mana orang tanpa kebenaran pihak Yayasan. Juga Jadual memperuntukkan mengenai mesyuarat dan juga tatacara lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fungsi dan kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn seperti yang telah dinyatakan, penubuhan Yayasan ini akan membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara amnya dan memberi faedah manfaat khususnya kepada guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, semua guru di bawah Kementerian Pendidikan akan mendapat faedah daripada penubuhan Yayasan. Ini adalah selari dengan hasrat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ataupun PPPM yang menitikberatkan pembangunan profesionalisme perguruan serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan guru. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

**PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU
TUN HUSSIEN ONN 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Rakyat
Oleh Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II**

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Terima kasih kepada 20 orang ahli yang telah membahaskan isu usul Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Perlu saya ingatkan kembali bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) ialah merupakan satu kaedah ataupun tabung persaraan di mana guru-guru yang dahulunya bukan kakitangan kerajaan ataupun di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau pun dengan izin, *Unified Teaching Service (UTS)* merasakan mereka perlu mempunyai tabungan untuk persaraan mereka, tetapi apabila sudah ditawarkan di bawah tawaran Suruhanjaya Diraja Aziz pada 1972 iaitu 42 tahun yang lalu.

Kita kena melihat tarikh tersebut kerana kita boleh merasakan sudah berapa lama ianya ditawarkan. Jadi guru-guru sudah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan. Mereka sudah menjadi kakitangan kerajaan. Dengan itu pada tahun 2007, caruman terakhir dikeluarkan. Tahun 2007 mengatakan tujuh tahun yang lalu dan mengatakan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) sudah tidak relevan lagi kerana caruman yang terakhirnya sudah dikeluarkan. Ahli-ahli mereka ada yang terdahulunya sudah menjadi kakitangan kerajaan dan tertakluk kepada saraan atau pencen di bawah kerajaan.

Oleh sebab itulah kita menubuhkan Yayasan Tun Hussein Onn untuk mengambil alih aset-aset dan juga liabiliti yang ada untuk tiga (3) fungsi asas iaitu pembangunan profesional, kebajikan guru dan juga pendidikan anak-anak guru untuk asasnya. Ini kerana ada mengatakan tidak timbul mengapa timbul kerana KWSG yang ada dahulu memang sudah tidak relevan lagi kerana sudah tidak ada pencarum-pencarumnya dan pencarum yang akhir yang telah mengambil caruman mereka pada tahun 2007.

Yang Berhormat Lenggong tadi mengatakan bahawa perlunya ia ditingkatkan insya-Allah. Memang menjadi tanggungjawab kementerian, amanah yang telah diberi oleh kementerian untuk memastikan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan memberi- bukan hanya meneruskan apa yang dilaksanakan terdahulu tetapi juga meningkatkan sebagaimana yang dikatakan memberi biasiswa kepada guru-guru

yang biasanya dalam skim biasanya tidak mampu mendapat pembiayaan kerajaan. Terutamanya mereka yang had umurnya lebih. Katakanlah mereka yang hendak buat PhD yang lebih 43 tahun, yang membuat sarjana lebih 45 tahun. Insya-Allah Yayasan ini boleh memainkan peranan mereka. Sama juga dengan kemudahan kesihatan seperti kerusi roda, anggota palsu boleh diberi kepada ahli-ahli dan juga anak-anak, guru-guru, kebajikan guru, kebajikan kepada anak guru seperti yuran dan juga persekolahan.

Saya juga ingin mengatakan bahawa ramai juga ahli yang bercakap tentang ahli lembaga pengarah. Sebenarnya kalau kita lihat dalam rang undang-undang yang dibentangkan, bahawa ahli lembaga pengarahnya, keanggotaannya di bawah 10(1) ialah merupakan Lembaga Pemegang Amanah, bukannya Ketua Pegawai Eksekutif. Apa yang dikatakan wujudnya Ketua Setiausaha Kementerian dan juga Ketua Pengarah Pendidikan dan juga sembilan yang dikatakan dalam rang undang-undang ini ialah di mana mereka merupakan ahli lembaga pemegang amanah dan bukannya Ketua Pegawai Eksekutif.

Ketua Pegawai Eksekutif dalam 19(2) jelas mengatakan hendaklah orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal kewangan. Ini tidak perlu kita membuat kesilapan kerana jelas dikatakan di sini. Di samping Ketua Setiausaha Kementerian, ada Ketua Pengarah Pendidikan yang juga merupakan seorang guru, KPPM. Walaupun di situ ada seorang wakil Kementerian Kewangan tetapi ini perlu di mana dalam organisasi kerajaan untuk menjaga kewangannya berjalan dengan baik.

Di (e) juga pegawai perkhidmatan pendidik awam yang berkhidmat dengan kementerian dan juga merupakan guru-guru. Begitu juga (f) merupakan seorang guru, manakala yang (g) nya merupakan orang luar daripada guru. Ini mengatakan representasi guru dalam Yayasan ini memang mencukupi kerana inilah yang dikatakan yang harus memberi keutamaan dan juga keselesaan kepada guru-guru.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau kerana memberi banyak huraian tentang yayasan kerana dia memang orang lama. Nampak pun lama juga, lama sikit daripada saya mungkin. Kita lihat beberapa pelaburan dahulu seperti simpanan tetap, saham di bursa dan hartanah akan dikekalkan di samping perkara-perkara baru yang akan ditetapkan oleh lembaga pengarah. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang mengusik Yang Berhormat Tebrau tentang SRC (5). Perkara itu akan kita bawa kepada ahli lembaga pengarah. Saya tidak ada maklumat untuk saya beri pada hari ini juga.

Kepada yang lain, banyak saya dapat soalan yang tidak langsung berkenaan, yang

keluar daripada rang undang-undang ini. Jadi saya mengambil keputusan pada hari ini hanya menjawab perkara yang berkaitan kerana banyak lagi nak jawab ini. Saya tidak mengulas perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Perkara-perkara tersebut boleh dibangkitkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kementerian sebenarnya. Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tak habis lagi, panjang lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan keanggotaan. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa tidak timbul masalah tidak terlibat wakil guru ataupun tidak. Akan tetapi apa yang penting yang disebut oleh rakan-rakan tadi walaupun saya tidak mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya bersetuju dengan pandangan-pandangan bahawa yang perlu dibangkitkan di sini ialah wakil kesatuan secara rasminya, bukan atas sifat ketua pengarah itu dia merupakan seorang guru ataupun tidak.

Bagi saya, semacam mana format di dalam KWSP. Ada dalam lembaga KWSP itulah wakil kesatuan sekerja iaitu wakil daripada MTUC umpamanya. Jadi, begitu juga dengan lembaga pengarah kepada Yayasan Guru ini. Nama pun Yayasan Guru, mesti ada seorang wakil yang mewakili guru iaitu secara rasminya daripada kesatuan. Kesatuan yang menentukan siapa wakil daripada kesatuan, bukan pihak kerajaan yang menentukan wakil guru itu siapa, kesatuan yang mesti menghantar nama. Jadi ini yang saya fikir bahawa perlu diberikan pertimbangan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat yang telah mengatakan perlunya wakil daripada kesatuan. Sebenarnya guru juga merupakan ahli kepada persatuan dan masih ada ruang sebenarnya untuk kementerian kerana ada tiga orang lagi yang boleh dilantik oleh Menteri untuk menjadi ahli lembaga pengarah ini. Jadi keanggotaannya masih lagi boleh dipertimbangkan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, minta maaf. Sepatutnya bagi saya bukan Menteri yang melantik tetapi perlu diletakkan secara

khusus, bagi saya, bahawa wakil kesatuan guru. Jadi kesatuan yang menentukan orang itu tetapi di sini betul-betul atas ihsan menteri lah. Kalau Menteri nak lantik, lantiklah. Kalau Menteri tak nak lantik, tidak lantiklah. Akan tetapi kalau kita masukkan di dalam klausa keanggotaan ini bahawa wakil kesatuan, itu dia jadi rasmi seperti mana dalam KWSP. Saya fikir kerajaan juga sudah ada pengalaman dalam KWSP dan sebagainya. Sepatutnya itulah menjadi satu format yang sama dalam membentuk Yayasan Guru ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, memang ada ruang lagi dan kita akan melihat kewajaran apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi. Yang Berhormat Bagan Serai juga banyak bercakap tentang kebajikan guru dan inilah sebenarnya Yayasan ini, insya-Allah akan memastikan kebajikan guru akan terus terpelihara. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi bahawa ini merupakan satu hadiah besar kepada guru. Terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya satu hadiah saya katakan tadi oleh kerana ia akan memastikan guru terus terbela sebagai satu profesion yang mulia dan suci yang saya terus mengatakan daripada semasa ke semasa bahawa profesion guru akan terus dimartabatkan dan kerana itulah kita telah mengambil langkah-langkah sejak daripada pelancaran PPPM, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk memastikan guru akan terus terbela.

Kalau kita lihat pula Yang Berhormat Jerantut ada mengatakan tentang keperluan sekolah asrama khas untuk anak-anak guru. Sebenarnya ini tertakluk kepada ahli lembaga pengarah yang akan ditentukan, yang akan dilantik nanti dan tertakluk juga kepada tatacara yang akan ditentukan oleh mereka.

Yang Berhormat Sepang ada mengatakan tadi bahawa Fasal 6(2)(a) tidak hanya mengehendkan pelaburan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan. Ini sebenarnya tidak benar kerana memang tidak ada had. Cuma ini mengatakan, Fasal 6(2)(a) hanya mengatakan "hendaklah termasuk" bukan "hanya". Jadi ia tidak mengehendkan sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi.

Yang Berhormat Batu Pahat ada mengatakan tentang jumlah wang yang ada pada masa kini. Sebenarnya jumlah wang tunai yang ada pada KWSG masa kini ialah RM49,761,320 dan aset bersih KWSG ialah RM254,931,779 ataupun RM254 juta. Sebenarnya pencarum-pencarum yang dahulunya memang sentiasa diberi tempat di mana mereka telah sentiasa mendapat faedah caruman mereka pada setiap tahun.

Yang Berhormat Jelebu ada mengatakan tentang mungkin ada pertindihan fungsi dengan kementerian. Kita menganggap Yayasan ini sebagai *supplementary* dan

complimentary apa yang sedang dilaksanakan oleh kementerian. Juga, kita pastikan apa juga R&D yang hendak dilaksanakan oleh Yayasan ini selaras dengan peningkatan profesional. Payah nak sebut ini, profesionalisme. Petang ini kot, sejuk dah ini, dua minit lagi kita 'perabis'lah hari ini.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya dah katakan tadi walaupun banyak yang juga bercakap tentang kementerian, saya tidak berhajat untuk mengulas perkara-perkara ini kerana saya mahu kita fokus kepada rang undang-undang. Apa juga perkara-perkara yang diungkitkan tadi dan memang saya ambil maklum, saya tulis kesemuanya sebenarnya, bukan tak tulis, dan kita pastikan agar semua yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dibangkitkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk memastikan kita boleh menjawab segala-galanya.

Perlu saya katakan ini, perlu kita fokus kepada apa yang telah kita katakan tadi agar Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan terus dapat memainkan peranan mereka sebagai untuk membangunkan profesional. Itu dah boleh sebut dah, okey dah. Dekat pukul 5.30 ini boleh dah kot. Dan untuk kebaikan guru dan juga untuk pendidikan anak-anak guru. Oleh sebab itulah Kumpulan Wang Simpanan Guru ataupun KWSG yang sudah tidak relevan lagi kerana sejak tahun 2007, ahli-ahli mereka sudah tidak ada yang membuat tuntutan dan ada yang mengatakan tadi di mana mereka, insya-Allah, kita akan pastikan kita akan terus mencari mereka.

Memang soalan tadi sedap bertanya tetapi memang payah sebenarnya kerana memang kita tahu bahawa memang KWSG sentiasa mencari pencarum-pencarum. Mungkin Yang Berhormat boleh tolong kita mencari ahli-ahli yang masih ada, yang masih boleh dicari. Insya-Allah kita akan mencari mereka dan pastikan mereka akan dapat dibayar caruman-caruman mereka kerana mereka merupakan guru-guru yang telah banyak berkhidmat kepada negara dan kepada anak bangsa kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah penggulungan saya tentang rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan

sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

PEMBENTANGAN
RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU
TUN HUSSIEN ONN 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Negara
Oleh Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin,
Timbalan Menteri Pendidikan I

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkarayang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru atau KWSG telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun pada tahun 1962 di bawah Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962. Penubuhan KWSG pada ketika itu bertujuan untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru bukan kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau *Unified Teaching Service*, dengan izin, atau UTS melalui sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru UTS mencarum kepada tabung berkenaan. Pada tahun 1972, sebahagian besar guru UTS telah memilih untuk berkhidmat sebagai guru kerajaan sepenuhnya melalui tawaran Suruhanjaya Diraja Ungku Aziz. Dalam hal ini, guru-guru tersebut tidak lagi wajib untuk terus mencarum kepada KWSG kerana guru-guru berkenaan telah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu fungsi KWSG adalah terhad kepada menerima caruman daripada guru-guru UTS yang tidak memilih Skim Guru Kerajaan dan menguruskan dana caruman tersebut sehingga semua guru yang mencarum dalam KWSG layak untuk mengeluarkan wang caruman masing-masing apabila telah mencapai umur persaraan. Berdasarkan fungsi KWSG seperti yang dinyatakan, pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividen pada tahun 2007. Dalam hal ini, pencarum atau warisnya yang tidak mengeluarkan wang caruman berserta dividen mereka, wang tersebut dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 [*Akta 370*].

Tuan Yang di-Pertua, KWSG telah mencapai matlamat penubuhannya dan melunaskan fungsinya apabila pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividen pada tahun 2007. Sehubungan dengan itu, adalah wajar KWSG dibubarkan memandangkan tujuan penubuhannya sebagai tabung persaraan tidak lagi relevan. Pembubaran KWSG bertujuan untuk membolehkan aset KWSG dimanfaatkan bagi pembangunan profesionalisme dan kebajikan guru serta pendidikan anak-anak guru melalui sebuah yayasan. Ini adalah wajar kerana dana KWSG asalnya berkaitan dengan kebajikan guru.

Oleh itu, Yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Guru Tun Hussien Onn dicadangkan, ditubuhkan sebagai badan berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada sektor awam. Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini tidak menerima geran permulaan atau peruntukan tahunan daripada kerajaan. Kewangan yayasan ini akan menggunakan dana sedia ada yang telah dijana oleh KWSG yang akan dipindahkan kepada Yayasan. Selain daripada itu, Yayasan juga akan menjana pendapatan melalui hasil daripada aktiviti pelaburan serta perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat yang akan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini akan memberi manfaat kepada semua guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau pun PPP oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Selain daripada itu, anak-anak guru juga turut menerima faedah daripada penubuhan Yayasan ini. Yayasan yang akan ditubuhkan ini berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru seperti menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang yang berimpak tinggi serta berterusan kepada kumpulan guru terutama dalam kalangan guru bukan pentadbir

Selain daripada itu, Yayasan ini juga bertujuan membantu guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak layak mendapat biasiswa atau pembiayaan daripada kerajaan kerana faktor umur yang melebihi had yang ditetapkan. Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan pelanjutan had umur persaraan kepada 60 tahun. Selain daripada itu, yayasan juga berfungsi untuk membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara. Ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan yang boleh membantu kementerian meningkatkan kualiti pendidikan dengan kaedah dan inovasi terkini selari dengan perkembangan pendidikan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan guru sentiasa menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, antara fungsi Yayasan Guru Tun Hussien Onn

yang akan ditubuhkan ini ialah membantu Kementerian Pendidikan menjaga kebajikan guru. Yayasan akan memberi keutamaan kepada guru-guru yang memerlukan bantuan seperti bantuan kecemasan, bencana alam, kematian dan bantuan peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda. Ini bertujuan untuk meringankan beban guru sebagai tanda penghargaan kepada guru-guru yang banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa. Selain daripada kebajikan kepada guru, pendidikan anak-anak guru juga tidak diabaikan. Sehubungan dengan itu fungsi yayasan juga ialah membantu dalam pendidikan anak guru seperti bantuan yuran pengajian kepada anak guru yang hilang tempat bergantung dan tidak mendapat bantuan serta pembiayaan daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang merangkumi 49 fasal dan 1 jadual seperti berikut:

Bahagian I, Fasal 1 hingga 2 memperuntukkan tentang perkara permulaan.

Bahagian II, Fasal 3 rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan yayasan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan. Fasal 4 bertujuan untuk membenarkan Yayasan mempunyai meterai perbadanan.

Bahagian III, Fasal 5 hingga 8 memperuntukkan tentang fungsi dan juga kuasa Yayasan. Antara fungsi yayasan yang diperuntukkan dalam Fasal 5 ialah:

- a) membantu Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti dalam
- b) meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.
- c) membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dan
- d) meningkatkan kualiti pendidikan negara.
- e) melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai manfaat atau perlu
- f) dalam menjaga kebajikan guru dan; dan
- g) membantu pendidikan anak-anak guru.

Fasal 6 memperuntukkan mengenai kuasa Yayasan untuk melakukan suatu perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya seperti:

- a) kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan.
- b) kuasa untuk memberi pinjaman, pembiayaan atau biasiswa;
- c) kuasa untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia bagi membangun dan memajukan profesional perguruan; dan
- d) kuasa untuk menyediakan geran penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Bahagian IV, Fasal 9 hingga Fasal 18 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan kuasa Lembaga Pemegang Amanah. Keanggotaan lembaga, tempoh jawatan anggota lembaga, pembayaran elaun kepada anggota lembaga, pembatalan pelantikan, perletakan jawatan dan pengisian jawatan lembaga serta memberi kuasa kepada lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya.

Bahagian V, Fasal 19 hingga Fasal 22 memperuntukkan mengenai pekerja Yayasan termasuk peruntukan bagi pelantikan dan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan.

Bahagian VI, Fasal 23 hingga Fasal 33 mengandungi peruntukan berkaitan kewangan. Antara perkara yang diperuntukkan di bawah bahagian ini ialah peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Peruntukan bagi perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang, menghendaki Yayasan menyediakan anggaran perbelanjaan, membenarkan Yayasan membuka dan menyelenggarakan akaun bank, meminjam dan melabur wang Yayasan serta menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Bahagian VII, Fasal 34 hingga Fasal 40 mengandungi peruntukan am. Antaranya ialah peruntukan pendakwaan kesalahan dan memberi Yayasan kuasa seperti kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Bahagian VIII, Fasal 41 hingga Fasal 49 mengandungi peruntukan berhubung kecualian dan peralihan.

Fasal 41 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kuasa, hak keistimewaan, liabiliti, tanggungjawab dan kewajipan KWSG kepada Yayasan sebaik selepas ia dibubarkan pada hari yang ditetapkan menurut peruntukan undang-undang.

Fasal 42 meletakkan harta KWSG yang akan dibubarkan dipindahkan kepada Yayasan. Fasal 43 mengadakan peruntukan tentang peralihan surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang terletak hak kepada KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan.

Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan; manakala Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan

tawaran kepada pekerja KWSG yang akan dibubarkan untuk terus menjadi pekerja Yayasan.

Fasal 46 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan KWSG yang akan dibubarkan untuk diuruskan oleh Yayasan. Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan prosiding sivil dan jenayah.

Fasal 48 mengatakan sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai KWSG yang akan dibubarkan hendaklah nanti ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yayasan. Fasal 49 membenarkan penggunaan nama kumpulan Wang Simpanan Guru oleh Yayasan dan melarang penggunaan nama ini dari mana-mana orang tanpa kebenaran pihak Yayasan. Juga Jadual memperuntukkan mengenai mesyuarat dan juga tatacara lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fungsi dan kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn seperti yang telah dinyatakan, penubuhan Yayasan ini akan membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara amnya dan memberi faedah manfaat khususnya kepada guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, semua guru di bawah Kementerian Pendidikan akan mendapat faedah daripada penubuhan Yayasan. Ini adalah selari dengan hasrat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ataupun PPPM yang menitikberatkan pembangunan profesionalisme perguruan serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan guru. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

**PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU
TUN HUSSIEN ONN 2014**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Negara**

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin,
Timbalan Menteri Pendidikan I**

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Daripada seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat yang berucap, bolehlah saya rumuskan bahawa rang undang-undang telah diterima baik oleh Ahli Dewan yang mulia ini. Justeru, saya akan memberi penjelasan sebaik mungkin dengan fokus ke atas isu-isu yang dibangkitkan yang menyentuh secara langsung rang undang-undang ini. Isu-isu yang tiada kaitan, Kementerian Pendidikan tetap akan memberi perhatian dengan sewajarnya.

Baiklah, Yang Berhormat Dato' Adam Abdul Hamid mencadangkan tiga (3) orang Ahli Parlimen yang mewakili rakyat di dalam Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Yang Berhormat, keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah yang diperuntukkan di dalam Fasal 10 telah mengambil kira fungsi Yayasan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebajikan guru dan menjaga pendidikan anak guru. Keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah yang diperuntukkan meliputi wakil-wakil yang mempunyai pengalaman dan penglibatan dalam bidang perguruan yang secukupnya termasuk tiga anggota Lembaga yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal kewangan dan pelaburan bagi menjamin kesinambungan penjanaaan dana Yayasan. Kerajaan yakin keanggotaan Lembaga yang dicadangkan dalam Fasal 10 akan dapat melaksanakan fungsi Yayasan seperti yang dihasratkan.

Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya tentang struktur pencaruman baru Yayasan. Adakah guru yang telah disahkan dalam perkhidmatan saja yang boleh menjadi ahli Yayasan?

Jawapannya adalah Yayasan Guru Tun Hussein Onn merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Fungsi Yayasan bukanlah sebagai sebuah tabung persaraan. Sehubungan itu, Yayasan ini tidak mempunyai

pencaerum dan tidak menetapkan pendaftaran keahlian serta tidak mengenakan sebarang yuran keahlian. Faedahnya terbuka kepada semua guru yang dilantik sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan serta anak-anak guru. Selain itu, Yayasan juga akan memberi faedah kepada institusi pendidikan seperti sekolah dan institusi pendidikan guru melalui aktiviti penyelidikan yang boleh membantu meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya berapakah jumlah pencaerum yang tidak mengeluarkan caruman mereka dari tahun 2007 sehingga kini? Adakah wang KWSG yang tidak dituntut akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Tidak Dituntut dan adakah wang tersebut boleh dituntut dan dimasukkan semula ke dalam dana Yayasan?

Yang Berhormat, para pencaerum layak membuat pengeluaran wang caruman selepas mencapai umur persaraan. Walau bagaimanapun, apabila terdapat pencaerum yang tidak membuat pengeluaran setelah tempoh yang diberikan tamat, KWSG telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada mereka dan membuat kenyataan di akhbar bermula pada tahun 2007. Pada tahun 2006 hingga tahun 2011, sejumlah RM14.7 juta wang caruman telah dihantar kepada Registrar of Unclaimed Money, dengan izin, atau Wang Tidak Dituntut secara berperingkat berdasarkan tahun kelahiran pencaerum. Namun, masih terdapat sebilangan kecil pencaerum yang masih mempunyai caruman di KWSG iaitu seramai 198 orang atau berjumlah RM2.11 juta. Berdasarkan rekod, kesemua pencaerum ini telah pun mencapai umur persaraan. Maka, mereka layak untuk membuat pengeluaran wang caruman.

Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan sebelum proses pembubaran KWSG adalah menghantar surat pemberitahuan ke alamat terakhir pencaerum dan membuat hebahan di media dan akhbar utama serta laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas tempoh tertentu, sekiranya tiada pencaerum atau waris datang membuat tuntutan, wang caruman tersebut akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Namun demikian, semua rekod pencaerum KWSG akan dipindahkan di bawah bidang kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Jika terdapat pencaerum atau waris datang untuk membuat tuntutan, Yayasan akan membantu menyediakan dokumen berkaitan untuk dibawa oleh mereka ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut bagi membolehkan tuntutan dibuat.

Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang

Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya bagaimanakah Yayasan mampu menjamin kelangsungan KWSG dan apakah cadangan pelan pelaburan yang dirancang oleh Yayasan?

Yang Berhormat, Yayasan ini akan meneruskan aktiviti pelaburan sedia ada dalam bidang hartanah, ekuiti dan simpanan tetap seperti yang dilaksanakan oleh KWSG melalui syarikat yang akan ditubuhkan oleh Yayasan. Selain itu, Yayasan juga akan menubuhkan syarikat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang boleh menjana pendapatan kepada Yayasan. Bagi memastikan pelaburan diurus dengan baik, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik telah disyaratkan supaya mempunyai kepakaran-kepakaran dalam pelaburan atau hal-hal kewangan. Selain daripada itu, Yayasan akan menubuhkan satu jawatankuasa pelaburan yang dilantik oleh Lembaga bagi mengurus hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam bertanya, apakah cadangan penambahbaikan Yayasan untuk kebajikan guru? Guru yang merupakan kakitangan kerajaan telah disediakan pelbagai kemudahan untuk menjaga kebajikan mereka. Seperti kemudahan rawatan secara percuma di hospital kerajaan dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn pula akan membantu menyediakan bahan selain daripada kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan seperti kerusi roda sebagai peralatan sokongan kepada guru yang memerlukan. Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan menyebarkan fungsi dan faedah yang boleh dinikmati oleh guru dan anak-anak mereka melalui kenyataan akhbar dan laman sesawang Yayasan apabila ia ditubuhkan nanti. Selain itu, Yayasan juga akan memuat naik maklumat berkenaan penubuhan Yayasan ini dalam laman sesawang KPM sebagai makluman dan hebahan kepada guru dan pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya, apakah bentuk pembangunan profesionalisme guru yang boleh menaikkan sahsiah guru yang semakin merosot dan bagaimana nilai-nilai murni dapat memperkasakan Yayasan? Kerajaan memang menyediakan pelbagai insentif kepada guru-guru untuk melanjutkan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan mempunyai kriteria tertentu seperti had umur untuk membolehkan bantuan kewangan diberikan kepada guru. Sebagai contoh, permohonan untuk hadir latihan Persekutuan ke peringkat sarjana, guru mestilah berumur lebih 45 tahun. Maafkan saya, guru mesti berumur tidak melebihi 45 tahun. Manakala untuk peringkat kedoktoran had umur yang ditetapkan tidak

boleh melebihi 43 tahun. Syarat permohonan tawaran program cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa pula menetapkan syarat umur untuk permohonan peringkat kedoktoran tidak melebihi 44 tahun dan 46 tahun untuk peringkat sarjana.

Sehubungan dengan ini, Yayasan bertujuan untuk membantu membiayai dalam bentuk biasiswa atau bantuan yuran pengajian kepada guru-guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak memenuhi syarat had umur yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan dasar kerajaan yang melanjutkan umur persaraan hingga 60 tahun. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan pelbagai latihan dan kursus untuk meningkatkan profesionalisme guru melalui bahagian pendidikan guru dan Institut Aminuddin Baki. Dalam hal ini, Yayasan juga berfungsi untuk membantu kementerian melaksanakan latihan pembangunan profesionalisme yang tidak dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti latihan yang berprofil tinggi secara berterusan, khususnya dalam kalangan guru bukan pentadbir.

Selain daripada itu, Yayasan juga boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam latihan sedia ada seperti pembiayaan kepada penceramah dan kepakaran-kepakaran lain yang diperlukan. Aktiviti peningkatan profesionalisme yang akan disediakan oleh Yayasan ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan sahsiah.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam kemukakan cadangan supaya Yayasan membayar elaun kepada guru yang melaksanakan tuisyen di sekolah dan cadangan menubuhkan pusat jagaan untuk anak-anak guru. Berkenaan dengan cadangan aktiviti-aktiviti bagi menjaga kebajikan guru seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, pihak Yayasan akan mengadakan satu tatacara dalam menentukan bentuk-bentuk bantuan yang akan diberikan kepada guru bagi menjaga kebajikan mereka.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam dan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya, apakah perincian bantuan untuk anak-anak guru? Yang Berhormat, Yayasan akan mengadakan peraturan dan peruntukan tatacara dalam menentukan bentuk biasiswa dan bantuan yang akan diberikan serta kriteria yang layak untuk dipertimbangkan oleh Yayasan. Walau bagaimanapun keutamaan akan diberi kepada anak-anak guru yang memerlukan bantuan seperti anak-anak guru yang hilang tempat bergantung tetapi tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed bertanya, berapakah jumlah aset yang dimiliki oleh KWSG? Yang Berhormat, jumlah aset yang dimiliki oleh KWSG dan akan dipindahkan kepada Yayasan terdiri daripada semua aset bersih berjumlah RM254 juta dan wang tunai berjumlah RM49.8 juta.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga tanya, apakah usaha kementerian menaikkan semula imej guru dalam kalangan masyarakat? Dalam gelombang satu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia akan meningkatkan kualiti guru dengan memberi tumpuan kepada usaha memartabatkan profesion guru sebagai guru pilihan menerusi inisiatif piagam guru. Piagam guru bertujuan untuk meningkatkan standard profesionalisme guru dan menambahbaikkan sistem sokongan sedia ada. Aktiviti utama adalah menghasilkan instrumen penilaian bersepadu (*unified instrument*), dengan izin, dan menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme berterusan (PPPP) dan memperkemas laluan kerja guru dan ini didapati dalam anjakan empat (4) di Pelan Pembangunan Pendidikan Guru.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya bersama dengan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad, perlukah perlu mengemukakan cadangan untuk mengadakan aktivis dari Persatuan Guru untuk menjadi Ahli Lembaga pemegang amanah Yayasan?

Fasal 10 telah mengambil kira wakil guru dalam keanggotaan Lembaga Pengarah Yayasan. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam keanggotaan lembaga pengarah ini juga adalah merupakan wakil guru. Dalam hal ini, yayasan boleh menetapkan dalam tatacaranya kelak bahawa wakil Pegawai Perkhidmatan Pendidikan boleh juga diambil dari kalangan anggota kesatuan guru yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya berapakah jumlah dividen yang diberikan kepada pencarum KWSG dan pada setiap tahun pihak Lembaga memutuskan jumlah dividen yang diberikan kepada pencarum berdasarkan prestasi kewangan KWSG.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga tanya, apakah bentuk pelaburan dan siapakah akan menguruskan pelaburan KWSG? Pelaburan yang telah diuruskan oleh KWSG berupa pelaburan yang berisiko rendah dan terbahagi kepada tiga iaitu:

- a) Pelaburan Hartanah iaitu membeli dan menyewa aset bangunan.
- b) Pelaburan Ekuiti iaitu pelaburan yang berkaitan dengan saham syarikat berhad.
- c) Pelaburan Deposit Simpanan Tetap.

Kesemua pelaburan ini diurus oleh Jawatankuasa Pelaburan KWSG yang terdiri daripada pihak awam dan swasta yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu berkata bahawa sehingga bilakah KPM akan menggunakan nama KWSG? Yang Berhormat, penggunaan nama KWSG masih diperlukan memandangkan masih ada pencarum yang belum membuat tuntutan caruman mereka. Keperluan meneruskan penggunaan nama KWSG juga ialah bagi menguruskan liabiliti dan aset KWSG. Hanya setelah kesemua liabiliti dan caruman tersebut selesai, penggunaan nama tersebut akan diberhentikan. Sekiranya berlaku penyalahgunaan ia akan ditadbir di bawah Fasal 49(2), dan Fasal 49(3).

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman tanya dan memohon lembaga pengarah dilantik dalam kalangan mereka yang berpengalaman dan pakar dalam bidang pengurusan. Keanggotaan lembaga yang diperuntukkan dalam Fasal 10 telah mengambil kira anggota yang berpengalaman dan pakar dalam bidang pengurusan. Ini kerana terdapat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sama ada yang sedang berkhidmat atau telah bersara layak menjadi anggota lembaga pemegang amanah Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop kemukakan cadangan CEO. Yayasan perlu pakar dalam bidang pengurusan dan kewangan. Fasal 19 rang undang-undang ini telah memperuntukkan bahawa CEO yayasan hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal ehwal kewangan. Oleh itu, pemilihan CEO akan dipastikan dalam kalangan individu yang benar-benar berkelayakan dan terbukti mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebelum dilantik melalui proses pemilihan yang akan ditentukan kelak.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin memohon biasiswa khas untuk anak-anak guru di sediakan oleh Yayasan. Yayasan akan mengadakan peraturan dan memperuntukkan tatacara dalam menentukan bentuk biasiswa dan bantuan yang akan diberikan serta kriteria yang layak untuk dipertimbangkan oleh Yayasan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada anak-anak guru yang memerlukan bantuan seperti anak guru yang hilang tempat bergantung tetapi tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin juga bertanya, apakah peluang yang disediakan oleh Yayasan? Yayasan akan memberi manfaat kepada guru, anak-anak guru, dan bidang pendidikan secara keseluruhannya. Antara manfaat kepada guru adalah:

- a) bantuan yuran pengajian kepada guru yang tidak layak menerima apa-apa bantuan daripada kerajaan disebabkan oleh faktor umur yang melebihi had umur yang ditetapkan;
- b) bantuan peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda dan anggota palsu;
- c) peluang untuk menjalankan penyelidikan seperti kajian tindakan bagi kepentingan murid; dan
- d) sumbangan kepada anak-anak guru dalam bentuk yuran pengajian terutama yang hilang tempat bergantung.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit memohon perkataan seperti “pekerja” atau “agen” yang diulang-ulang dalam rang undang-undang diberi tafsiran yang tepat. Hal ini supaya perkataan tersebut tidak disalah guna semasa prosiding undang-undang nanti. Perkataan “pekerja” atau “agen” tidak perlu ditafsirkan kerana fasal yang digunakan dalam rang undang-undang adalah jelas merujuk kepada pekerja atau agen Yayasan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga memohon masukkan perkataan milik kerajaan dalam Seksyen 21 (Akaun Bank). Yayasan membuka akaun-akaun dengan institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia di bawah kawalan Bank Negara dan undang-undang Malaysia. Ini kerana Yayasan mengambil kira pulangan pelaburan yang ditawarkan oleh institusi kewangan tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga memohon seksyen 35 diselaraskan dengan Seksyen 21. Pekerja Yayasan yang disebut dalam seksyen 35 merangkumi pekerja lain yang diperuntukkan dalam Seksyen 21. Ini kerana pekerja tersebut adalah pekerja Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul memohon yayasan membantu memanggil guru-guru yang telah bersara untuk bertugas dalam yayasan bagi menjaga kebajikan guru. Yang Berhormat, penglibatan guru yang telah bersara telah diambil kira dalam yayasan seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 10(1F) dan di samping itu, Yayasan juga akan melibatkan guru yang telah bersara sebagai anggota jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Yayasan di bawah Fasal 17.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga mencadangkan bahawa yayasan perlu membantu guru-guru membuat kajian tindakan di sekolah rendah untuk membuat refleksi *best practice*, dengan izin, dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan telah menjadi satu budaya dalam kalangan guru-guru di sekolah dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Guru (IPG). Guru-guru telah menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan dengan menjalankan kajian tindakan bagi mencari pendekatan dan keadaan yang terbaik dan berinovasi bagi memastikan bahan pengajaran dapat disampaikan dengan cara yang mudah dan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya menyediakan peruntukan untuk menjalankan penyelidikan yang disalurkan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Dalam perkara ini Yayasan akan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan melalui pembiayaan geran pendidikan khasnya kepada guru di sekolah dan juga pensyarah di Institut Pendidikan Guru. Ini bertujuan untuk menggalakkan guru dan pensyarah IPG menjalankan penyelidikan bagi membantu meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah, meningkatkan keupayaan guru dan pentadbir sekolah dan meningkat kualiti pensyarah-pensyarah IPG dalam bidang penyelidikan.

Selain daripada itu, pembiayaan geran penyelidikan ini bukan sahaja kepada guru dan pensyarah IPG tetapi juga boleh diberikan kepada pihak-pihak lain yang berminat dan mampu menjalankan penyelidikan yang memberi impak yang besar dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul memohon Kementerian Pendidikan Malaysia melihat semula sekolah daif di negeri Sabah supaya bangunan dan infrastruktur sekolah di bandar dan di luar bandar adalah sama taraf. Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Khas Pembangunan Negeri Sabah telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Ini bertujuan untuk memantau projek pembangunan sekolah di seluruh negeri Sabah dan mencadangkan tindakan ke arah membantu peningkatan pembangunan sekolah di Sabah. Langkah tersebut akan dapat membantu mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya adakah fungsi yayasan memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak guru. Ini sama dengan biasiswa yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia

telah memperuntukkan pelbagai bentuk bantuan dan biasiswa kepada murid-murid sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Dasar sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan bantuan kepada murid sekolah seperti Biasiswa Kecil Persekutuan bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti kepada murid Tingkatan 6.

Walau bagaimanapun, bantuan dan biasiswa ini tertakluk kepada syarat-syarat yang sudah ditetapkan seperti pencapaian yang cemerlang dalam pelajaran dan pendapatan ibu bapa. Bantuan yang disediakan oleh KPM ini adalah terbuka kepada semua murid dan bukan hanya untuk anak-anak guru sahaja. Yayasan boleh membantu pendidikan anak-anak guru terutama kepada anak-anak guru yang hilang tempat bergantung akibat kematian ibu bapa mereka atau memerlukan bantuan biasiswa atau yuran pengajian kepada anak-anak guru yang cemerlang tetapi tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 6 rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas juga tanya adakah semua anak guru di semua sekolah yang disebutkan tadi layak menerima bantuan pendidikan yang disediakan oleh yayasan. Anak-anak guru yang layak menerima bantuan pendidikan daripada Yayasan adalah rujuk kepada tafsiran anak dan guru yang diperuntukkan di bawah akta ini. Oleh itu anak kepada guru di bawah skim pegawai perkhidmatan pendidikan layak mendapat bantuan pendidikan. Walau bagaimanapun, bantuan ini tertakluk kepada keuntungan dan kedudukan kewangan Yayasan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kemukakan cadangan untuk memberi kebajikan kepada anak tiri dan anak angkat guru. Yang Berhormat, yayasan yang akan ditubuhkan mempunyai dwi fungsi iaitu kebajikan dan pelaburan. Antara pihak yang terlibat dalam menerima kebajikan selain guru adalah anak-anak guru termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang seperti mana yang ditafsirkan di Bahagian Satu rang undang-undang.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kemukakan sokongan untuk panel pelaburan ditubuhkan dan jawapan kepada soalan ini atau cadangan ini sudah dijawab dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar sebut bahawa syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan hendaklah memfokuskan kepada perniagaan berkaitan pendidikan. Yayasan dibenarkan untuk menubuhkan syarikat bagi membantu mendapatkan dana memandangkan yayasan tidak diberi dana oleh

kerajaan. Dengan itu, syarikat di bawah Yayasan hendaklah diberikan kebebasan untuk membuat pelaburan atau perniagaan yang memberikan pulangan yang terbaik dengan risiko yang paling minimum.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada yang hendak berucap.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya adakah simpanan aset yang dimiliki oleh KW SG sebanyak RM49.8 juta dipindahkan semua sekali di Yayasan Tun Hussein Onn atau sebahagian, berdikit-dikit, fasa 1, fasa 2, fasa 3, sekali gus atau berucit-rucit. *Thank you.*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, semua aset daripada KWSG akan dipinda ke yayasan apabila KWSG dibubarkan. Saya teruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi adakah peranan kerajaan dalam membantu dia tidak perlu atau macam mana? Adakah cukup dengan wang KWSG sahaja atau masa akan datang peranan Kementerian Kewangan akan diperlukan. Saya ingat tabung itu besar. Yayasan ini satu Yayasan yang besar yang membicarakan tentang nasib guru sebanyak 425,000 orang. Saya ingat kalau amaun itu sebanyak RM50 juta lebih kurang tidak mencukupi.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat. Seperti pergi saya menjawab tadi adalah di mana Yayasan dibenarkan untuk menubuhkan syarikat bagi membantu mendapat dana. Saya rasa ini ada berkaitan dengan pengurusan pelaburan oleh Yayasan. Saya ada kepercayaan bahawa apabila Yayasan akan melantik Ketua Pengarah Eksekutif yang berpengalaman dalam pengurusan pelaburan saya ada kepercayaan bahawa yayasan akan berjaya untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang dicadangkan. Saya teruskan dengan jawapan. Adalah tidak...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah? Kita dapati ada risiko di mana-mana pelaburan. Jadi adakah ada apa-apa langkah oleh kerajaan untuk memastikan Yayasan ini berjaya yang tidak seperti banyak dana-dana yang gagal. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, saya akan jawab soalan ini kerana ini merupakan satu soalan yang dikemukakan. Apabila tiba masa untuk saya jawab inilah dia punya jawapan, okey. Jadi saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, teruskan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah tidak mustahil sekiranya satu daripada pelan pelaburan atau perniagaan Yayasan termasuk perniagaan berkaitan pendidikan. Akan tetapi, Lembaga Pemegang Amanah hendaklah memastikan hala tuju dan objektif Yayasan tercapai dengan membuat tata cara perniagaan dan pelaburannya sendiri. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar memohon kerajaan mengawal aktiviti Yayasan.

Yang Berhormat, Yayasan adalah sebuah agensi yang akan ditetapkan di bawah Kementerian Pendidikan. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan akan menjadi pengerusi kepada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan. Oleh itu dalam konteks pelaksanaan fungsinya, kerajaan dapat mengawal aktiviti Yayasan seperti mana yang ditetapkan di dalam rang undang-undang ini. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar juga sebut tentang pinjaman yang diberikan tanpa faedah dan perlu ditukar kepada biasiswa jika pelajar memperoleh keputusan cemerlang. Yang Berhormat semua bentuk bantuan yang akan diberi akan ditentukan oleh Yayasan berdasarkan tata cara yang akan ditetapkan nanti.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar ada menyebut bahawa audit kewangan Yayasan bukan dibuat setahun sekali tetapi perlu dilaksanakan empat (4) kali setahun dan laporan tahunan perlu dibentangkan di Parlimen. Fasal 33, rang undang-undang mencadangkan bahawa perkara berkaitan akaun dan laporan tahunan menggunakan tatacara Akta Badan Berkanun Akaun dan Laporan Tahunan 1980 [Akta 240] dan laporan juru audit bagi akaun dan pembelajaran Yayasan juga mewajibkan salinan laporan juru audit dan penyata akaun dibentangkan di hadapan kedua-dua majlis Parlimen. Audit dalaman...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih sebab audit akan dibuat sebanyak empat (4) kali setahun. Tetapi saya hendak tanya, syor saya iaitu untuk membentuk dua (2) audit. Satu (1) dalaman ada empat (4) kali audit, satu lagi luaran,

yang luar empat (4) kali juga. Adakah audit itu seperti yang saya syorkan atau satu (1) audit dalaman sahaja? Itu yang saya hendak tahu.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Audit dalaman boleh dibuat oleh yayasan di bawah seliaan Lembaga Pemegang Amanah mengikut tatacara yang ditentukan oleh lembaga setelah ditubuhkan. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang berkaitan dengan Majlis Profesor turut diambil...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya fikir tidak menjawab soalan saya. Saya tanya audit luaran adakah dibuat atau cukup dengan audit dalaman sahaja. Audit biasanya *listing company* dia ada dua (2). Satu dalaman, satu lagi luaran. Yang Berhormat jawab hanya audit-audit tetapi tidak sebut luaran. Saya hendak tahu audit luaran itu dibuatkah atau tidak buat?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat saya rasa untuk mengadakan triangulasi dan untuk mengekalkan kredibiliti pengurusan kewangan atau pengurusan pelaburan di Yayasan memang ada audit dalaman dan audit luaran.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang berkaitan dengan satu cadangan untuk Majlis Profesor turut diambil kira sebagai anggota lembaga. Jadi isu ini saya sudah jawab dan ini adalah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed tadi.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, mengemukakan bahawa lebih ramai guru sedang berkhidmat dan guru bersara menganggotai lembaga yayasan. Yang Berhormat, bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini sebagai anggota lembaga pemegang amanah adalah bilangan yang mencukupi untuk mewakili guru. Di samping itu, Ketua Setiausaha Kementerian sebagai pengerusi memainkan peranan dalam menjaga kepentingan guru selaras dengan fungsi Yayasan.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya setakat mana Yayasan akan menggabungkan entiti KWSG dan Yayasan Guru Berhad. Yayasan ditubuhkan bagi menggantikan KWSG yang akan dibubarkan. Pembubaran KWSG adalah kerana tujuan asalnya sebagai Tabung Persaraan Guru (UTS) telah mencapai

matlamat penubuhan apabila pencarum terakhir layak mengeluarkan caruman berserta dividen pada tahun 2007. Penubuhan Yayasan ini adalah bagi membolehkan dana KWSSG yang terkumpul hasil daripada keuntungan pelaburan daripada wang caruman guru dapat dimanfaatkan dan dikembalikan semula kepada guru.

Yayasan merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, manakala Yayasan Guru Malaysia Berhad merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Yayasan Guru Tun Hussein Onn bukan sahaja berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia menjaga kebajikan guru, tetapi juga membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjalankan penyelidikan berkaitan pendidikan dan juga membantu pendidikan anak-anak guru. Fungsi Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan memberi manfaat kepada bidang pendidikan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki ada sebut yang berkaitan dengan Bahagian III, rang undang-undang apakah kita hanya bergantung pada piawaian antarabangsa bagi menentukan kualiti pendidikan negara. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai instrumen piawaian sendiri berdasarkan...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyakkah dana daripada KWSSG yang akan ditempatkan ke Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, soalan adalah kenapa begitu banyak... [Disampuk] Oh! Berapa banyak? Saya rasa tadi saya sudah jawab soalan itu yang mana saya beritahu daripada segi aset dan daripada segi...

Timbalan Yang di-Pertua: Kurang lebih daripada 40...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: RM49.8 juta.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya akan teruskan dengan jawapan. Ini adalah berkaitan dengan piawaian antarabangsa bagi menentukan kualiti pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai instrumen piawaian sendiri berdasarkan kepada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Tujuan Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan piawaian antarabangsa adalah untuk memastikan kualiti pendidikan negara adalah setanding dan setaraf dengan kualiti pendidikan antarabangsa. Ini juga sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia. Inisiatif piagam guru di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia juga telah menggariskan peningkatan standard profesional guru dan menambah baik sistem sokongan sedia ada.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani binti Abdullah mengemukakan cadangan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya semalam dalam hujahan saya bangkitkan isu sama ada dalam merangka piawaian itu mengambil kira aspek paling dasar dalam sistem pendidikan ialah konteks Falsafah Pendidikan Negara. Apakah itu sudah diambil kira atau tidak?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Memang apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dirancang dan sekarang sedang dilaksanakan, Falsafah Pendidikan Negara memang diambil kira. Kalau kita rujuk kepada kelima-lima aspirasi yang berkaitan dengan pelajar, memang ada sentuh tentang hasrat untuk melahirkan pelajar yang seimbang daripada segi jasmani, rohani, emosi, intelek dan sekarang kita tambah satu unsur lagi yang berkaitan dengan sosial.

Apabila kita melaksanakan Penilaian Berasaskan Sekolah untuk Tingkatan 1 dan di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah, memang ini ada berkaitan dengan melahirkan pelajar yang seimbang. Ini kerana berdasarkan input-input yang disampaikan oleh ibu bapa dan ahli komuniti apabila suatu kajian dijalankan sebelum Pelan Pembangunan Pendidikan dirancang dan dilaksanakan, sudah dikesan daripada ibu bapa bahawa sistem penilaian adalah sangat *exam-oriented*, dengan izin.

Berdasarkan input itu, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memperkenalkan satu sistem penilaian yang tidak begitu berpusatkan peperiksaan. Ini ada berkaitan dengan cara bagaimana kita menilai pelajar bukan hanya dalam summatif yang mana pelajar akan mengambil peperiksaan *at the end of the year*, dengan izin, pada akhir tahun tetapi sekarang kita menilai pelajar atau menaksir perkembangan pelajar secara *performative*. Jadi, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. bahawa memang Falsafah Pendidikan Negara diambil kira apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dirancang dan sedang dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya adakah Yayasan mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan. Yang Berhormat Senator bidang pelaburan bukanlah merupakan aktiviti baharu kepada Yayasan memandangkan ia merupakan salah satu aktiviti untuk menjana dana KWSG sebelum ini. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini telah memperuntukkan kuasa kepada Yayasan untuk menubuhkan syarikat yang bertujuan untuk mengendalikan dan menguruskan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan kepada Yayasan seperti pelaburan. Untuk tujuan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik untuk menerajui Yayasan akan dilantik dalam kalangan individu yang mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang kewangan atau pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya juga bagaimana Yayasan dapat memastikan pelaburan yang dibuat dapat memberikan pulangan modal kepada Yayasan. Pelaburan merupakan salah satu aktiviti untuk menjana dana KWSG. Penubuhan anak syarikat Yayasan adalah bertujuan mengendalikan dan menguruskan pelaburan yang sedia ada. Pada masa ini, terdapat sebuah jawatankuasa pelaburan yang dilantik oleh lembaga yang bermesyuarat dua (2) kali sebulan bertujuan menguruskan hal-hal pelaburan KWSG.

Antara jenis pelaburan yang dikendalikan oleh KWSG ialah pelaburan hartanah, saham syarikat awam dan instrumen pasaran wang atau simpanan tetap. Oleh itu, Yayasan juga akan meneruskan modus operandi seperti yang dilaksanakan oleh KWSG kerana ia telah berjaya membawa pulangan modal yang membanggakan. Selain itu, bagi memastikan pengurusan dan pelaburan Yayasan dapat diurus dengan baik, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik perlu mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang kewangan atau pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya bagaimanakah Yayasan akan mencari dana untuk menguruskan Yayasan tersebut dan melaksanakan fungsi seperti yang telah dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator, pelaburan merupakan salah satu aktiviti yang menjana dana KWSG. Sehubungan dengan itu, Yayasan akan meneruskan aktiviti pelaburan yang telah dijalankan oleh KWSG dan hasil keuntungan dalam pelaburan ini akan disalurkan untuk melaksanakan fungsi Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat mengemukakan cadangan bahawa pelantikan lembaga mesti telus dan kompeten dalam pentadbiran dan pengurusan Yayasan serta mesti ada wakil wanita dalam lembaga. Yang Berhormat Senator, pelantikan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan adalah berdasarkan kepakaran bagi melaksanakan fungsi Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah bertanya adakah Yayasan ini dibuka untuk guru sekolah swasta atau sekolah antarabangsa atau hanya guru sekolah kerajaan sahaja. Yang Berhormat Senator, guru yang mendapat faedah daripada Yayasan ialah guru daripada Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah bertanya apakah jangkaan pulangan pelaburan yang dilakukan. Yang Berhormat Senator, Yayasan akan meneruskan pelaburan sedia ada yang dilakukan oleh KWSG iaitu pelaburan dalam bidang hartanah, saham syarikat awam dan simpanan tetap. Yayasan akan membuat pelaburan yang berisiko rendah tetapi akan memberi pulangan yang baik kepada Yayasan.

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiah bertanya, berapakah jumlah wang yang dituntut pencarum dan adakah waris masih ada masa untuk membuat tuntutan. Waris pencarum masih boleh membuat tuntutan di KWSG sehingga ia dibubarkan. Sekiranya tuntutan dibuat selepas pembubaran, waris masih boleh membuat tuntutan kepada Yayasan memandangkan semua rekod pencarum akan dibawa ke Yayasan.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya atau kemukakan satu cadangan bahawa perlu diberi bantuan guaman kepada guru yang disaman oleh ibu bapa. Jadi, guru-guru yang disaman oleh ibu bapa semasa melaksanakan tugas rasmi akan diwakili oleh pihak kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad mengemukakan cadangan guru diberi bantuan kewangan untuk membuat kajian bagi mencari strategi yang sesuai bagi meningkatkan pencapaian murid dan soalan yang berkaitan dengan bentuk

bantuan yang boleh dipohon oleh guru atau sekolah untuk membuat kajian. Yang Berhormat, antara fungsi yayasan adalah membantu mana-mana pihak menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara dan pemberian geran penyelidikan kepada mana-mana pihak yang berminat adalah tertakluk kepada tatacara yang akan ditetapkan oleh Yayasan.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya, berapakah nilai semasa bangunan KWSG. Yang Berhormat, nilai semasa bangunan KWSG ialah RM62 juta.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman mengemukakan satu cadangan untuk menubuhkan bank data untuk mengesan pencaruman KWSG. Yang Berhormat, kesemua rekod pencarum disimpan di KWSG dalam Sistem Penyimpanan Rekod Pencarum. Rekod pencarum ini akan dibawa ke Yayasan bagi membolehkan pencarum atau waris membuat tuntutan selepas penubuhan Yayasan.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya bagaimanakah KWSG akan dibubarkan, Akta 550 memerlukan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan seksyen 153 Akta Pendidikan 1996, KWSG akan dibubarkan melalui perintah penggugungan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Kewangan. Penggugungan KWSG akan dibuat serentak dengan penubuhan Yayasan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah bertanya adakah wang yang tidak dituntut boleh dituntut dan dimasukkan semula ke dalam dana Yayasan. Yang Berhormat, wang pencarum yang tidak dituntut akan dihantar ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Wang ini tidak akan dipindahkan semula ke Yayasan kerana ia adalah hak pencarum dan mereka boleh membuat tuntutan pada bila-bila masa kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah bertanya adakah Yayasan akan memberi tumpuan kepada pembangunan bahasa kebangsaan. Yang Berhormat, fungsi yayasan ditubuhkan bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan Kementerian Pendidikan, tetapi hanya sebagai suatu badan yang melengkapi dalam usaha untuk membantu kementerian menjaga kebajikan guru seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg membangkitkan berkaitan dengan yayasan dapat bantu perancangan KPM dan PIBG meningkatkan pendidikan secara holistik terutamanya menanam semangat patriotik.

Isu ini sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan telah dijawab.

Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah juga memohon ahli Lembaga Pengarah disemak dengan teliti. Saya rasa ini juga sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan ini sudah dijawab.

Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, pengurusan dan pelaburan mesti mengikut perkembangan semasa. Contohnya, ada kad ahli dan ahli boleh akses maklumat Yayasan dengan mudah. Isu ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan sudah dijawab. Yang Berhormat Datuk Lihan Jok kemukakan satu cadangan untuk mengadakan ahli kesatuan guru dan wakil dari Sabah dan Sarawak. Isu ini juga sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan sudah pun dijawab.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, sama ada kerajaan perlu memberi dana kepada Yayasan di masa hadapan. Jawapannya adalah Yayasan boleh menerima sumbangan dana atau derma dari mana-mana pihak atau kerajaan mengikut fasal 6(2)(b). Sekiranya kerajaan mencadangkan untuk memberikan dana, fasal 6(2)(b) dengan izin, tersebut memberikan kuasa kepada Yayasan untuk menerima dana kerajaan tersebut.

Yang Berhormat, sebagai satu kesimpulan, saya hendak sekali lagi memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yayasan Guru Tun Hussein Onn bukan mengambil alih Kementerian Pendidikan Malaysia, tetapi memainkan satu peranan secara complementary, dengan izin, untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan pembangunan profesion guru, menjaga kebajikan guru dan kebajikan anak-anak guru.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja saya dapat jelaskan berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, Kementerian Pendidikan Malaysia akan ambil maklum dan memberi perhatian terhadap isu berkenaan. Sekian, terima kasih. Salam hormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

PEMBENTANGAN
RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Rakyat
Oleh Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan,
Timbalan Menteri Pendidikan II

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1966 yang biasanya dirujuk sebagai Akta 555 telah digubal dan mula berkuat kuasa pada 31 Disember 1967. Ia bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pengajian tinggi swasta di Malaysia.

Akta tersebut menyatakan beberapa perkara seperti prosedur penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawal seliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Akta 555 juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar IPTS yang telah dilantik oleh Menteri di bawah Subseksyen 31 untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Akta 555 pernah dipinda sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2003, tahun 2009 dan tahun 2012. Pindaan ke atas Akta 555 pada tahun 2012 melibatkan penyelarasan peruntukan dengan Akta Universiti Kolej dan Universiti (AUKU), Akta 30 yang berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam bidang politik. Pindaan ke atas Akta 555 merupakan suatu usaha berterusan bagi memastikan perkembangan sektor IPTS adalah dikawal oleh peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan yang selari dengan keperluan semasa sektor pengajian tinggi swasta supaya perkhidmatannya adalah berkualiti dan lestari.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyemak Akta 555 dan peraturan-peraturan yang lain sejak tahun 2011 yang didorong oleh perkembangan pendidikan tinggi semasa termasuk proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta yang dijalankan ke atas IPTS bertaraf universiti bermula pada

tahun 2012. Proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta membolehkan pelabur asing memegang ekuiti sebanyak 100 peratus dalam urusan penubuhan IPTS serta memerlukan sektor pengajian tinggi swasta mematuhi prinsip liberalisasi yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada penambahbaikan suasana pendidikan tinggi, ekonomi dan sosial. Antara impak positif yang dihasilkan daripada proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah meningkatkan akses dan ekuiti pendidikan kepada pengguna tempatan dan juga asing, meningkatkan pengantarabangsaan, meningkatkan modal atau pelaburan, meningkatkan pembangunan modal insan, meningkatkan daya saing, meningkatkan kualiti dan seterusnya pengiktirafan dan mengurangkan kos pendidikan ke atas pelajar terutamanya pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara.

Bagi memastikan bahawa persediaan menghadapi proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta berjalan lancar dan berkesan, pelbagai strategi dan aktiviti dan program telah dirancang dan telah dilaksanakan. Perbincangan dan pemantauan pelaksanaan telah diadakan di dalam beberapa siri *Strategic Reform Initiatives Lab* (SRI Lab) dengan izin, mesyuarat bersama agensi-agensi seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan *Malaysian Services Development Council* (MSDC) bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan dan juga sesi konsultasi dengan pelbagai *stake holders* juga turut diadakan. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada usaha-usaha membangunkan kapasiti IPTS oleh kerajaan selain daripada usaha IPTS sendiri untuk berdaya saing dan usaha-usaha untuk mempromosikan peningkatan perdagangan melalui penyingkiran halangan perdagangan bebas.

Dalam hal ini pematuhan prinsip liberalisasi iaitu ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi sering menjadi rujukan. Kuasa Menteri untuk mempelawa pelabur untuk menubuhkan IPTS di bawah Seksyen 22 dilihat sebagai bertentangan dengan kewajipan *Most Favored Nation* dengan izin di bawah perjanjian rangka kerja dengan WTO mengenai perkhidmatan, Bahagian II. Sehubungan dengan itu bagi melancarkan pelaksanaan liberalisasi sektor pengajian swasta, maka pindaan kepada Seksyen 22 dengan menyingkirkan amaran permohonan bagi penubuhan dibuat atas pelawaan perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi keperluan liberalisasi Kementerian Pendidikan mencadangkan agar Seksyen 22 di bawah Akta 555 dipotong supaya peruntukannya tidak menjadi halangan atau mengelirukan pelabur asing yang ingin melabur dan

menubuhkan IPTS di Malaysia. Sektor perkhidmatan pendidikan khususnya pengajian tinggi sedang berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan globalisasi telah menghasilkan dan membentuk hala tuju baru pengajian tinggi dengan melahirkan beberapa trend baru seperti pendidikan merentasi negara dengan izin *Transnational Education* (TNE), liberalisasi, kolaborasi dan sebagainya. Arus pembangunan ini telah mengubah landskap pengajian tinggi negara khususnya sektor IPTS di mana pada masa kini didapati ramai pelabur asing telah mula menubuhkan IPTS di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta dilaksanakan untuk menarik pelabur asing bagi menyediakan IPTS bertaraf dan bereputasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, proses liberalisasi menuntut pelbagai keperluan bagi menepati prinsipnya seperti ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi. Proses liberalisasi akan mengurangkan halangan, memudahkan perniagaan dijalankan dan mengukuhkan peraturan domestik. Strategi sedemikian perlu supaya suasana perniagaan menjadi lebih yakin dan kondusif kepada pelabur asing untuk berniaga. Bagi memenuhi keperluan liberalisasi dan di dalam merencanakan proses mengantarabangsakan sektor pengajian tinggi, pindaan Seksyen 22 di bawah Akta 555 adalah penting dan kritikal kerana peruntukannya adalah bercanggah dengan inisiatif proses liberalisasi sektor pendidikan swasta negara.

Pindaannya amat diperlukan kerana sektor pendidikan swasta negara khususnya penubuhan IPTS bertaraf universiti telah pun melalui proses liberalisasi pada tahun 2012. Percanggahan tersebut jika tidak dibetulkan akan menimbulkan isu ketidakpatuhan dasar-dasar liberalisasi antarabangsa. Hal ini akan mengeruhkan imej negara dan menjejaskan hasrat Malaysia untuk menjadi hab pendidikan serantau. Pindaan Seksyen 22 dan seksyen berkaitan dengannya perlulah dilaksanakan supaya tidak membawa implikasi kepada peruntukan lain. Cadangan pindaan adalah untuk memansuhkan permohonan dan bagi penubuhan universiti, kolej universiti dan kampus cawangan dibuat atas pelawaan Menteri.

Dengan pemansuhannya, dasar asal iaitu kelulusan menubuhkan IPTS bertaraf universiti, kolej universiti, kolej dan kampus cawangan luar negara masih kekal melalui Seksyen 6 di bawah Akta 555. Pindaan ke atas Akta 555 akan dapat memenuhi kehendak dasar liberalisasi negara dan seterusnya memudahkan pelabur asing menubuhkan IPTS di Malaysia seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong Seksyen 22, Akta 555 bagi yang menghendaki Menteri membuat pelawaan terlebih dahulu sebelum boleh memohon kelulusan atau menubuhkan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri. Ini selaras dengan dasar liberalisasi perkhidmatan yang berhubung dengan sektor pendidikan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 23, Akta 555 untuk menegaskan tentang kehendak pemakaian peruntukan Akta 555 berhubung dengan permohonan bagi penubuhan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri. Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Rakyat
Oleh Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan,
Timbalan Menteri Pendidikan II**

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan juga yang telah mencelah dalam proses perbahasan sebentar tadi.

Seramai 12 Ahli Parlimen, telah berbahas dan seramai 18 Ahli-ahli Parlimen Berhormat telah mencelah. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen dari:

- a) Yang Berhormat Pokok Sena;
- b) Yang Berhormat Pengerang;
- c) Yang Berhormat Petaling Jaya Utara;
- d) Yang Berhormat Tebrau;
- e) Yang Berhormat Bayan Baru;
- f) Yang Berhormat Kuala Selangor;
- g) Yang Berhormat Tanjong;
- h) Yang Berhormat Bagan Serai;
- i) Yang Berhormat Kota Raja;
- j) Yang Berhormat Pasir Gudang;
- k) Yang Berhormat Lumut; dan
- l) Yang Berhormat Sik.

Ahli-ahli Parlimen mencelah:

- a) Yang Berhormat Shah Alam;
- b) Yang Berhormat Parit Sulong;
- c) Yang Berhormat Arau;
- d) Yang Berhormat Baling;
- e) Yang Berhormat Hulu Langat;
- f) Yang Berhormat Kuala Krai;
- g) Yang Berhormat Kuala Kangsar;

- h) Yang Berhormat Indera Mahkota;
- i) Yang Berhormat Serdang;
- j) Yang Berhormat Batu Gajah;
- k) Yang Berhormat Seputeh;
- l) Yang Berhormat Sepang;
- m) Yang Berhormat Kinabatangan;
- n) Yang Berhormat Tasek Gelugor;
- o) Yang Berhormat Kota Tinggi;
- p) Yang Berhormat Kapar;
- q) Yang Berhormat Alor Setar; dan
- r) Yang Berhormat Gopeng.

Secara purata, rata-rata Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bahas terhadap akta yang telah dibentangkan ataupun dicadangkan untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini, rata-rata memberi sokongan terhadap akta tetapi pada masa yang sama mereka telah membangkitkan hal-hal lain yang kena-mengena. Ada juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara yang tidak kena-mengena langsung dengan akta yang telah dibentangkan ini. Saya akan cuba sedaya-upaya untuk menjawab soalan-soalan yang ada kena-mengena dengan rang undang-undang ini. Pada isu-isu yang telah dibangkitkan dan tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang ini, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berjumpa dengan saya untuk mendapat penjelasan secara terperinci dan mendalam.

Yang Berhormat Pokok Sena yang telah memulakan hujah yang pada awalnya kita rasakan tidak akan ada perbahasan, sampai Yang Berhormat Pokok Sena berhujah sampai pukul 6.00 petang, mereka masih berbahas tentang rang undang-undang ini. Isu pemantauan AIU yang mana bukan saja Yang Berhormat membentangkan malah banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat membentangkan isu ini. Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, Yang Berhormat Besut telah pun mengambil beberapa inisiatif. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan tiga mesyuarat bersama pihak AIU dengan kementerian sendiri. Di mana pihak kementerian telah memaklumkan keperluan bagi pihak AIU mematuhi peruntukan Akta 555 sekiranya AIU meneruskan hasrat untuk menutup operasi AIU. KPM juga telah mengambil inisiatif seperti berikut:

- a) Mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan AIU termasuk wakil pihak Yayasan Al-Bukhary;
- b) Mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar AIU; dan
- c) Membuat pemeriksaan di premis AIU.

Perkara-perkara ini adalah sebahagian dari tindakan pemantauan rapi pihak KPM terhadap isu AIU. Pada masa yang sama isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga, Yang Berhormat Pokok Sena dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai isu AIU ini akan kami ambil maklum dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Undang-undang akta yang ada di sini, kita akan menggunakan secara semua holistik kepada semua IPTA-IPTA dan kita masih dalam proses siasatan. Akan tetapi yang paling penting Yang Berhormat ialah kita akan memastikan pelajar-pelajar di sana akan diberi pembelaan yang sewajarnya. Itu pokok dan pada masa yang sama kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan AIU untuk mengenal pasti bagaimana kita dapat bantu ataupun menyelesaikan masalah yang terbaik. Itu yang ingin saya katakan di sini Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri ke atas perhatian yang diberikan kepada penuntut-penuntut yang ada di AIU. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Apakah sebab utama AIU hendak tutup? Oleh sebab bila kita baca dalam surat khabar ada pelbagai jenis alasan yang telah pun diberi. Daripada pihak AIU, dia kata sebenarnya kementerian yang minta supaya AIU ditutup. Akan tetapi selepas itu saya baca macam ada masalah kewangan. Lepas itu ada lain-lain masalah teknikal yang kita tidak berapa tentu. Apakah sebab sebenar AIU ini yang kita rasa sepatutnya cukup dia punya dana, akan ditutup.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Secara ikhlasnya, kita di kementerian apabila kita menerima cadangan untuk siapa membuka universiti, ada syarat-syarat bukan saja daripada segi kewangan tetapi kebolehan, keupayaan. Kita terima ikhlas apabila ada kertas kerja diberi kepada kementerian, kita terima ikhlas. Pembentangan kita semak dan kita beri kelulusan. Akan tetapi saya rasa ini merupakan masalah pengurusan universiti, pengurusan yang mengendalikan pengurusan universiti ini ada masalah di sana. Setakat ini saya tidak dapat memperincikan masalah-masalah tersebut tapi saya boleh pergi satu komitmen untuk memberi maklumat pada Yang Berhormat setelah kementerian selesai perbincangan dengan AIU, memberikan maklumat terperinci kepada Yang Berhormat tentang isu sebenarnya supaya lebih munasabah jawapan saya nanti.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Akan tetapi hanya buat masa ini, adakah arahan diberikan oleh pihak kementerian untuk menutup universiti ataupun permintaan daripada pihak universiti untuk tutup universiti.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak, kementerian tidak mengarahkan universiti ditutup, untuk menjawab soalan. Permintaan datang daripada pihak universiti tetapi kita tidak membenarkan. Fasal itulah kita adakan perbincangan dengan AIU ini dan di antara sebab utama mereka fikir hasrat awal untuk tutup kerana mengubah model perniagaan daripada 100 peratus wakaf tanpa keuntungan. Itu hasrat awal tetapi seperti mana yang saya telah beritahu kepada Yang Berhormat, kita masih mengadakan pertemuan, perbincangan dan akan saya maklumkan, kementerian akan memberi maklumat yang sewajarnya. Akan tetapi pokoknya Yang Berhormat, kita akan memastikan pelajar-pelajar di sana ditahan, dijaga baik supaya terus diberi sambungan belajar di tempat yang sesuai kepada mereka. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyebut, beri jaminan untuk menjaga soal hak kepentingan pelajar. Betullah, baguslah itu tapi masalahnya sekarang ini, tinggal entah berapa kerat sahaja pelajar sudah pun. Jadi, itu isu yang saya bangkitkan tadi bahawa mereka tidak mahu keluar dari universiti. Mereka tidak hendak kalau sebolehnya tetapi dipaksa rela kerana kalau tidak nanti mereka tidak ada peluanglah sebab mereka hanya diberikan pilihan. Kamu setuju dengan satu perjanjian baru ataupun kamu balik kampung. Jadi, mereka hendak belajar. Jadi, mereka kena terimalah. Jadi, ini strateginya untuk menghalalkan tindakan, akhirnya dia akan beri hujah bahawa, "Eh, budak-budak itu hendak pindah, budak-budak itu yang setuju, bukan kami hendak tutup". Jadi, saya nampak dia bukan saja kelentong *student* dan juga kakitangan, dia juga kelentong kementerian.

Sebab itu kementerian tidak boleh bagi sampai pada hari ini walaupun sudah kata tiga kali satu perbincangan telah diadakan, siasatan telah dibuat, perjumpaan dibuat dan sebagainya, sampai hari ini. Maknanya, dia cuba hendak kelentong semua orang dengan berbagai-bagai alasan. Jadi, kalau-kalau Yang Berhormat kata beri jaminan pelajar ini akan dibela dan sebagainya ialah sebab tinggal tidak berapa kerat. Tinggal sepuluh ataupun dua puluh orang saja pelajar. Sebab itu bila sudah pelajar tidak ada, dia beri pula alasan kepada kakitangan akademik macam saya katakan tadi. Kamu kena berhenti tiga bulan notis, sebab apa, tidak ada budak. Tidak ada mahasiswa, tidak ada pelajar.

Jadi, kementerian perlu melihat ini, isu ini Tuan Yang di-Pertua. Ini sangat penting bagaimana seorang yang kita berikan segala keistimewaan untuk dapat itu, dapat ini, tiba-tiba dia boleh kelentong. *Student*, kakitangan masuk kementerian. Pegawai-pegawai kementerian, Yang Berhormat Menteri pun kena kelentong. Ini bagi saya tidak wajar sebab mereka mengadu pada saya. *Student* mengadu pada saya,

kakitangan akademik mengadu. Saya masih bertahan dengan mereka, kakitangan akademik, khususnya kakitangan akademik daripada sembilan ataupun sepuluh negara yang saya sebutkan tadi. Mereka hendak buat *press conference* dengan media asing dan sebagainya. Ini akan memalukan negara kita. Kalau Kementerian tidak boleh ambil tindakan ini, saya katakan bahawa saya tidak ada jalan melainkan akan menyokong tindakan mereka untuk panggil media asing, panggil buat aduan kepada kedutaan mereka dan ini akan memberikan imej yang tidak baik kepada Kementerian Pendidikan. Sebab itu saya kata kena ada tindakan tegas.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasihlah Yang Berhormat Pokok Sena begitu prihatin dengan imej negara. Saya mengalu-alukan pandangan, cadangan diberi oleh Yang Berhormat, terima kasih. Jadi, Kementerian memandang serius apa yang telah dikatakan atau maklumat yang diberikan kepada kami oleh Yang Berhormat. Ingin saya memastikan di sini bahawa apa yang telah dikatakan Yang Berhormat, kita mengambil kira dan kita memang serius untuk menangani masalah ini. Terima kasih dan kita berharap dalam masa terdekat kita dapat mencari satu penyelesaian yang munasabah kepada semua pihak. Itu yang penting Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya fikir begini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Begini saya minta jaminan kata hendak selesai itu okey, bagus tapi macam mana kami hendak dapat maklumat. Kami pun mesti tahu, khususnya Ahli Parlimen kawasan di mana beradanya universiti tersebut, mereka ini mengadu kepada saya dan sebagainya. Saya mesti dimaklumkan secara terperinci apa alasan dan sebagainya sampai kepada peringkat Albukhary Universiti ini boleh melakukan sedemikian rupa. Saya tidak mahu nanti beri-beri jaminan, habis sidang ini, tidak ada apa tindakan. Tiba-tiba sampai bulan lapan, tutup. Sebab apa? Dia bagi tempoh kepada kakitangan akademik sampai tiga bulan, bulan lapan. Bulan Jun, hujung Jun mereka kena keluar daripada apartment mereka, rumah *staff* yang disediakan.

Jadi, ini satu kezaliman bagi saya. Dia bekerja, diberikan tempoh sampai bulan lapan bayar gaji tapi bulan hujung bulan enam dia kena keluar daripada apartment. Ini satu penindasan, sebab itu saya hendak minta jaminan bahawa apa yang saya boleh akses dengan maklumat keputusan yang bakal dibuat nanti, penyelesaian yang boleh dicari untuk memastikan bahawa semua mereka ini terbela dan imej negara terjaga. Kalau tidak, saya tidak ada jalan. Saya katakan tadi saya akan bawa mereka ini untuk kepada media asing. Bukan saya hendak merosakkan negara kita tetapi Syed Mokhtar, Tan Sri Syed Mokhtar inilah yang merosakkan nama baik negara.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey Yang Berhormat, seperti saya kata maklumat itu akan kita berikan kepada orang ramai dan juga saya pasti Yang Berhormat sendiri, kalau perkara ini dapat kita beri maklumat sebelum tamat tempoh persidangan ini, akan saya maklum kepada Yang Berhormat, kepada semua yang berkenaan juga. Kita akan memastikan perkara ini dilakukan.

Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan isu permohonan penubuhan Kolej Universiti Islam Darul Ulum, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak meluluskan permohonan penubuhan Kolej Islam Darul Ulum memandangkan kolej ini tidak memenuhi beberapa kriteria penubuhan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kolej Darul Ulum boleh mengemukakan semula permohonan penubuhan kepada kementerian setelah tempoh moratorium IPTS ini tamat pada tahun 2015, 1 Februari. Boleh kemukakan balik, kita akan beri pertimbangan dan boleh kita kerjasama dengan Kolej Islam Darul Ulum ini bagaimana dapat membantu dan sekiranya perlu, bagaimana kita dapat memastikan lagi mereka dapat meneruskan proses pendidikan di sana.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah saya ucapkan kerana memberikan penjelasan dan saya akan pastikan satu permohonan semula akan dibuat oleh Kolej Universiti Islam Darul Ulum. Cuma kalau bolehlah diberitahu secara bertulis kepada saya untuk disampaikan kepada Kolej Universiti Darul Ulum apakah kriteria-kriteria yang tidak dapat dipenuhi sebelum ini sebab surat itu diberikan terlalu umum kata tidak dapat diterima, maknanya tidak dapat diluluskan, itu sahaja tetapi tidak diberitahu kenapa sebab Yang Berhormat kata kalau penuhi kriterianya maka kita lulus. Jadi saya harap minta pegawai beritahu apa kriteria yang mesti dipenuhi dan saya akan pastikan satu permohonan baru untuk saya sampaikan terus kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan isu bagaimana kerajaan memperketatkan kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta di negara ini bagi memastikan pelajar tersebut benar-benar pelajar yang tulen ataupun *genuine*. Bagi menjamin ketulenan pelajar yang memasuki Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan EMGS – *Education Malaysia Global Services* sebagai pusat sehenti, *one stop centre* bagi memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen-dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke IPTS sebelum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses pengeluaran pas pelajar. Syarat-syarat bagi pelajar antarabangsa yang mohon pas pelajar melalui

EMGS akan disaring melalui dua peringkat iaitu sebelum memasuki negara, kelulusan visa dengan rujukan, saringan akademik yang dibuat EMGS, saringan keselamatan – PDRM dan saringan oleh Jabatan Imigresen dan selepas memasuki negara kelulusan pengeluaran *sticker* pas saringan kesihatan dan juga *bio security* akan dilakukan oleh EMGS.

Yang Berhormat Pengerang juga meminta bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan kualiti IPTS yang ditubuhkan di negara ini. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa memantau pengoperasian IPTS khususnya kualiti perkhidmatan dan pengajian-pengajian yang ditawarkan oleh pihak IPTS. Pengambilan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia ke atas IPTS juga membolehkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan kelestarian pengurusan IPTS khususnya dari aspek daya saing IPTS dari segi kewangan, dari segi faktor kelestarian kewangan sangat berkait rapat dengan kualiti perkhidmatan dan kualiti pengajian yang ditawarkan oleh IPTS. Pihak KPM juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memastikan IPTS yang menjalankan program pengajian yang berkualiti dan yang terpenting memastikan pelajar-pelajar antarabangsa yang diterima didaftarkan oleh pihak IPTS adalah pelajar *genuine* yang masuk ke Malaysia dengan pas pelajar bagi mengikut program pengajian yang ditawarkan oleh pihak IPTS dan memasuki Malaysia bukan untuk tujuan kerja atau tujuan-tujuan yang lain.

Yang Berhormat Pengerang juga minta kawalan kualiti pensyarah luar negara yang mengajar di IPTS. Untuk makluman Yang Berhormat, pensyarah IPTS perlu memiliki permit mengajar sebelum dibenarkan mengajar dan pas pengajian yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri hanya akan dikeluarkan kepada pensyarah luar negara setelah melalui proses saringan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang Berhormat Pengerang juga mencadangkan agar memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan untuk dilantik menjadi pensyarah di IPTS. Proses pengambilan tenaga pengajar di luar negara memerlukan IPTS mengiklankan kekosongan jawatan di akhbar tempatan bagi memastikan peluang diberikan kepada warganegara Malaysia terlebih dahulu.

Yang Berhormat Pengerang, kos yuran pengajian di IPTS. Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan untuk menentukan yuran pengajian akan diperkemas dan diperkasakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan yuran pengajian yang ditetapkan oleh pihak IPTS adalah berpatutan dan sepadan dengan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak IPTS. Kepelbagaian program pengajian, kehadiran IPTS yang pelbagai dengan yuran pengajian yang pelbagai akan memberi peluang dan ruang yang cukup luas kepada pelajar untuk

memilih IPTS yang bersesuaian mengikut kecenderungan bidang pengajian dan kemampuan kewangan pelajar. Kawalan ajaran lain yang dibawa oleh pensyarah-pensyarah luar negara contohnya ajaran Syiah yang mana juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang. Pemantauan sentiasa dijalankan ke atas IPTS termasuk pensyarah dilaksanakan berdasarkan peruntukan Akta 555. Sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia mendapat maklumat bahawa terdapat unsur-unsur negatif yang dibawa oleh pensyarah luar negara, permit mengajar pensyarah berkenaan boleh dibatalkan dengan serta-merta.

Yang Berhormat Pengerang juga meminta pengeluaran visa pelajar terutama pelajar itu dikawal, hanya pelajar yang tulen sahaja diberikan visa pelajar. Saya telah memberi jawapan ini sebelum ini. Yang Berhormat Pengerang cadangkan agar perlu kawal lantikan pensyarah di IPTS, saya sudah jawab. Utamakan anak tempatan pun juga sudah jawab. Perlu ada kawalan, telah saya jawab juga.

Seterusnya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Kursus-kursus penting yang dikendalikan seperti perubahan mutu diragui, *minimum qualification*. Yang Berhormat, IPTS juga tertakluk kepada syarikat kelayakan yang sama kerana pihak MMC – *Malaysian Medical Council* turut terlibat sebagai panel penilaian kursus pengajian sebelum diluluskan. Kita bekerja rapat dengan MMC untuk mengambil segala arahan daripada mereka sebelum kita meluluskan apa-apa jurusan dan juga kelayakan minimum yang diperlukan oleh MMC. Kawalan kuantiti ...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Boleh saya selesaikan jawapan, terima kasih. Kawalan kuantiti IPTS, Kementerian Pendidikan Malaysia sedar bahawa kuantiti IPTS memang merupakan satu masalah yang menjejaskan kualiti IPTS kerana menghadkan kemasukan pelajar ke IPTS secara ramai. Bagi mengatasi masalah ini, moratorium telah dikenakan bagi menghadkan penubuhan lebih banyak IPTS. Moratorium ini telah bermula pada 2013 dan akan tamat pada Februari 2015 untuk makluman Yang Berhormat. Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan moratorium itu, setahu saya apabila moratorium itu disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, masa itu tidak ada Quest International University Perak, semasa itu yang saya tahu tidak ada Perdana Medical College. Jadi apakah kedudukan kedua-dua medical kolej ini, adakah mereka diberikan kelulusan untuk teruskan kursus perubatan?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Maklumat itu saya tidak ada pada masa ini, saya akan berikan maklumat ini kemudian kepada Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan spesifik tetapi kalau tidak ada jawapan, mungkin boleh berikan selepas ini iaitu apakah kelayakan minimum yang diperlukan untuk mengaji kursus perubatan dalam IPTA ataupun IPTS di Malaysia? Saya tidak tahu sama ada jawapan tidak dalam perkara ini.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Secara general dengan izin saya boleh maklum kepada Yang Berhormat. Contoh seorang pelajar keluaran STPM hendak masuk ke bidang perubatan. Contoh tahun lalu pengambilan, tempat yang ada 700 fakulti perubatan IPTA, yang mohon lebih kurang tiga ribu pelajar yang mempunyai kelayakan. Contoh yang pertama kita lihat atas keputusan CGPA, contohnya 4.0 terbaik.

Kedua, kita lihat markah kokurikulum 10 peratus. Ketiga, kita akan lihat kepada MUET (Malaysian University English Test). Kita menambah lagi keperluan sampai ada universiti meminta MUET Band 4, ada minta Band 5 supaya bahasa Inggeris kerana buku-buku rujukan kebanyakan bahasa Inggeris. Sekiranya masih ada lagi ramai pelajar daripada 3,000 kita dapat straining dan masih ada ramai kita akan pergi kepada keputusan SPM mereka dalam bidang mata pelajaran Sains, bagaimanakah pencapaian mereka pada masa itu. Setelah kita buat tapisan semua ini kita akan dapat seorang pelajar yang layak dan beliau akan hadir temu duga dan beliau juga harus lulus temu duga. Seperti mana Yang Berhormat sebentar tadi katakan ada pelajar yang cemerlang dalam semua aspek tetapi bila terlihat darah dia pengsan dan perkara ini kadang-kadang tidak dimaklumkan kepada ibu bapa. Ini perkara yang pernah berlaku. So, kita memberi ruang dan peluang kepada semua pelajar dan kita akan teruskan. Kalau ada perubahan dalam syarat ini akan saya maklum kepada Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta penjelasan sedikit. Nombor satu, adakah ia untuk IPTA seperti apa yang disebut tadi ataupun untuk IPTS juga? Itu nombor satu. Nombor dua, adakah kelayakan untuk mendapat kursus perubatan ini minimum dia CGPA 4.0 dan adakah subjek tertentu yang diperlukan? Macam saya boleh dapat 4A tapi saya punya subjek mungkin Sejarah, Geografi, Literature dan lain-lain.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak bolehlah Yang Berhormat. Sejarah, Literature semua tidak bolehlah. Maksud saya *I thought you are in the same fact* dengan izin mata pelajaran sainslah. Takkan kita buat mata pelajaran sastera hendak jadi doktor kan? No lah, *it's not like that. You are over stretching in a bit, sorry* dengan izin. Kita ada minimum, 4.0 is the best. CGPA 4.0 terbaik. Minimumnya ada tetapi kerana ramai yang mendapat 4.0 ada juga pelajar yang mendapat 3.75 juga akan dipanggil temu duga kerana beliau memenuhi syarat-syarat yang lain seperti kokurikulumnya baik, Band MUETnya terbaik, dalam temu duga dia berjaya, okey. So, kita akan memberi peluang kepada ramai dan universiti sekarang memberi peluang yang terbaik kerana diberi peluang pelajar-pelajar pergi ke universiti untuk menghadiri temu duga.

Untuk swasta IPTS pula mereka mengekalkan kebanyakan daripada syarat-syarat ini. MUET. Tidak seharusnya mereka *follow* 100 peratus tetapi MMC control. Contoh kalau hendak belajar di luar daripada negara, NOC (*Non Objection Certificate*) kita tidak boleh bagi. Sekurang-kurangnya kena ada B dalam mata pelajaran Sains. Kalau ada seorang pelajar mata pelajaran Sains dapat C, kita tidak akan bagi dia NOC dan sekarang kita berbincang untuk mengetatkan lagi kriteria-kriteria ini.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Sorry, last question on this.* Saya rasa itu soalan pokok yang saya tanya sebentar tadi iaitu untuk IPTS. Saya tahu memang untuk IPTA buat masa ini kursus perubatan kriterianya ketat. Sama ada *fair* tidak *fair* itu lain isu tapi untuk IPTS. Banyak IPTS yang dituduh bahawa mereka *they relax the requirements* untuk menarik pelajar sebab ini merupakan yuran bagi mereka dan banyak laporan antara doktor-doktor yang ada diterbitkan dalam surat khabar yang mengatakan mereka menggunakan cara lain untuk membawa masuk penuntut-penuntut yang sebenarnya tidak patut layak ke dalam universiti tersebut.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, seharusnya tidak ada begitu. Dia ada syarat minimumnya dan pelajar-pelajar yang pergi ke IPTS untuk dalam bidang perubatan akan memenuhi syarat minimum. Kalau ada pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat minimum, saya rasa beliau tidak akan berjaya untuk memenuhi proses pembelajaran dalam tingkat masa itu. Sekiranya ada, Yang Berhormat maklum pada saya. Kita akan semak IPTS berkenaan sekiranya mereka mengambil pelajar-pelajar tersebut. Senyuman Yang Berhormat memberi makna yang lain tapi saya sedar saya faham senyuman tersebut tapi kerjasama dengan kita.

Kalau ada IPTS-IPTS mengambil pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat maklum kepada kita kerana ramai pelajar di luar sana memenuhi syarat tetapi tiada peluang untuk melanjutkan pelajaran. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Gopeng, isu yang ditanya tadi tentang kedudukan Medical Quest dalam Perdana University ada maklumat sedikit. Permohonan mereka dikemukakan oleh Quest dan Perdana ini sebelum moratorium ini dikuatkuasakan. So, oleh kerana itu mereka dapat melaksanakan program ini.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara banyak perkara yang telah dibangkitkan. Saya akan cuba jawab satu demi satu. Mohon kementerian mengenakan bon kepada IPTS yang mohon untuk tubuhkan sebagai cagaran kepada kerajaan. Terima kasih atas cadangan. Kami mengalu-alukan cadangan ini dan sebenarnya strategi pelaksanaannya sedang dibincang oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melancarkan pelaksanaan dan cadangan kerajaan *bail out* IPTS yang tidak mampu terus beroperasi. Berdasarkan peruntukan yang sedia ada Yang Berhormat kementerian Pendidikan Malaysia membantu IPTS berhubung penerusan pengajian pelajar sekiranya IPTS tidak mampu terus beroperasi. Cadangan mengenakan jaminan fi amat disambut baik oleh kita dan akan dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kemampuan kekurangan IPTS yang mahu ditubuhkan perlu diteliti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan audit kelestarian di mana prestasi kewangan IPTS terpilih dianalisa. Langkah ini sedikit-sebanyak membantu IPTS mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan cadangan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perlu ada ranking universiti sebagai rujukan. Cadangan yang baik. Yang Berhormat, sebagai rujukan tentang prestasi universiti, kolej universiti ataupun kolej, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan senarai penarafan kualiti IPT. Bagi peringkat universiti senarai tersebut boleh dirujuk di penilaian setara dan bagi kolej di penilaian MyQuest. Keputusan berkaitan dengan setara boleh dirujuk di laman website MQA. Saya tidak...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: ...*One more paragraph*. Justeru, penilaian ini juga sudah ditambah baik mengikut keperluan dari semasa ke semasa bagi membolehkan IPT membangunkan kapasiti. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun kenal tentang jadual yang telah pun disediakan di bawah SETARA *Discipline Base Rating System* dan saya ada jadual tersebut di hadapan saya di mana mungkin dalam bidang *engineering* ada lebih kurang 24 universiti yang dinilai dan penilaian yang dibuat hanya mengikut *tier* ataupun *tier* satu, dua, tiga, empat, lima dan dalam 24 universiti ini ada dua yang *tier* tiga, ada 10 yang *tier* empat, ada 10 yang *tier* lima dan tiada yang *tier* enam ataupun dua satu. *It's quite a useless ranking system*. Ia tidak memberikan maklumat tentang perguruan, tentang ratio, tentang *facilities*, tentang *the academic rigor* yang *dimeasure* mengikut research yang telah pun dibuat oleh universiti tersebut. Langsung tidak sama dengan cadangan *ranking system* yang diguna pakai di negara seperti Australia, UK ataupun US dan saya rasa sistem ini perlu ditambahbaikkan.

Nombor dua, pihak yang membuat penilaian ini adalah daripada universiti-universiti tersebut. *So, there's a real conflict of interest here for example* dalam bidang medicine yang membuat penilaian satu daripada UM, satu daripada Monash, satu daripada UKM dan semuanya dapat markah yang baik. *So, saya rasa penilaian perlu dibuat oleh satu pihak bebas. Tidak perlu pun daripada pihak kementerian. Asalkan bebas ada pihak-pihak yang berkemampuan untuk berbuat begitu dan saya rasa then the ranking system would be credible for the public.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, penilaian ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa. Ini satu sistem yang baru kita perkenalkan mendapat satu sambutan yang baik di kalangan IPTS di negara kita dan kita akan terus menambah baik. Cadangan-cadangan seperti ini bernas dan kita akan mengambil kira cadangan ini kerana cadangan ini bagi saya dan bagi kementerian akan menambah baik prestij dan juga pandangan IPTS Malaysia oleh bakal pelajar-pelajar mahasiswa-mahasiswa dan juga pelajar-pelajar negara lain untuk datang dan belajar di sini.

Yang Berhormat, usaha memastikan pelajar IPTS dapat peluang penyertaan untuk *character development*. Yang Berhormat, mulai September 2013 tahun lalu Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan pelajar tempatan IPTS mengambil mata pelajaran umum ataupun MPU yang menekankan perkara-perkara *national building* dan *character development* pada September 2013. Kualiti pelajar yang diterima bagi mengikuti program pengajian kritikal khususnya program kejururawatan dan program perubatan yang ditawarkan oleh pihak IPTS.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil maklum akan keperluan kriteria pelajar yang diterima masuk bagi mengikuti program pengajian kritikal. Contohnya, program

kejururawatan dan program perubatan yang ditawarkan oleh IPTS disemak dan diperhalusi agar ia selaras dengan kriteria kemasukan minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga agensi berkaitan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mengambil langkah dalam perkara ini. Sebagai contoh, kriteria kelayakan minimum bagi mengikuti program kejururawatan telah diperingkatkan baru-baru ini.

Maklumat tentang pelajar-pelajar kelulusan minimum akademik untuk swasta. Minimum keputusan STPM, this is minimum dalam mata pelajaran *Biologi*, *Chemistry* dan *Physic*, STPM, 3B. That means all three subjects B or ABC ataupun AAC in three subjects. SPM, yang penting ialah *Biologi*, *Fizik*, *Chemistry* dan *Math*. *The O-level 5B* iaitu *Biology*, *Chemistry*, *Physic*, *Math* and another subject which is science subject related. *These are all set by* dengan izin, semua ini ditetapkan oleh Malaysian Medical Council. So kita mengambil. *That is also being discussed right now*. Menambahkan lagi kerana seperti mana doktor-doktor yang ada dalam Dewan ini tahu, *we are* – semua kelayakan ini bukan ditetapkan oleh Kementerian. Kementerian berbincang dengan MMC, MMC sedang mengetatkan lagi kelayakan-kelayakan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Serdang ada membangkitkan isu EMGS. Beliau tidak ada tetapi tidak apa, saya akan jawab. [Disampuk] Ya, mencelah Yang Berhormat tadi. Yuran perkhidmatan sebanyak RM1,000 yang telah dikenakan kepada IPTS bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa Malaysia adalah secara *one-off* dan kajian serta perbandingan telah dibuat oleh negara-negara pengeksport pendidikan utama yang lain dan didapati ia adalah sangat kompetitif.

Yuran tersebut telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 11 Januari 2012. Yuran yang dikenakan sebenarnya telah memberi implikasi yang sangat baik dan jelas bagi menentukan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulus dan berkualiti sahaja dibenarkan mengikuti pengajian mereka di sini. Ini juga membuktikan melalui proses saringan yang ketat telah dapat mencegah daripada berlakunya cubaan daripada permohonan yang tidak tulus. *We have reduced a lot of students* yang tidak seharusnya menjadi pelajar dan ini sangat ketara. Kekurangan permohonan yang tidak memenuhi syarat kelulusan iaitu daripada 24 peratus hingga 27 peratus tahun 2011/2012, ia sekarang tahun 2013 hanya 3 peratus yang digagalkan, tidak layak. Walau bagaimanapun, jumlah permohonan yang diluluskan di antara tahun 2011 hingga 2013 kekal di antara 30,000 hingga 31,000 dalam masa setahun .

Untuk maklumat juga, untuk tahun 2014 Yang Berhormat ya, EMGS telah menyasarkan kenaikan sebanyak 20 peratus daripada jumlah purata kemasukan pelajar antarabangsa iaitu sebanyak 36,000. Setakat 30 Mei 2014 ini, jumlah permohonan yang telah masuk adalah hampir 20,000 ataupun 55 peratus daripada sasaran keseluruhan bagi tahun 2014 dan kami percaya kita akan dapat menepati angka yang telah kita tetapkan iaitu 36,000. Untuk memastikan setiap permohonan dapat diproses dalam jangka masa yang ditetapkan, IPTS perlu menghantar permohonan yang lengkap dengan memenuhi syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi dan Jabatan Imigresen.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, pihak Jabatan Imigresen juga telah menempatkan seorang wakil khas di pusat sehenti EMGS untuk menguruskan permohonan pengesahan pasport dan pengeluaran pelekat pas pelajar untuk memastikan proses pembaharuan pas pelajar dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kita juga akan memperkenalkan *student identity card*. Kad ini akan diberi kepada semua pelajar antarabangsa dan tidak perlu lagi menggunakan pasport ke sana atau ke sini. Hanya dengan kad itu, semua maklumat akan ada seperti MyKad yang ada pada kita yang mana akan mengatakan di mana pelajar ini belajar dan sekiranya ada masalah kesihatan, apakah masalah kesihatan, jurusan yang dia belajar. Pelajar-pelajar tidak boleh menukar kursus sebelum mereka memberi maklumat kepada EMGS untuk mendapatkan kelulusan.

Kita juga akan mengatasi masalah penyalahgunaan pas kerana mereka datang untuk belajar satu bidang tetapi apabila masuk universiti, mereka tukar bidang. Seharusnya tidak boleh. Mereka harus mendapat kelulusan. So, kita akan mengetatkan lagi proses-proses ini supaya hanya pelajar-pelajar yang benar-benar tulen datang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari Kota Raja. Saya hendak tahu, pusat EMGS ini sudah berfungsi lama mana dan bagaimana pula dengan penyambungan visa, adakah benar ia sebenarnya diuruskan oleh IPTS itu sendiri atau sekarang mereka perlu berurusan dengan EMGS?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, EMGS merupakan satu pusat yang mana akan memproses permohonan. IPTS akan memberi permohonan itu lengkap dengan semua dokumen. EMGS memeriksa keperluan-keperluan. Mereka akan memastikan pelajar-pelajar ini memenuhi syarat-syarat. Selepas itu mereka akan ambil permohonan ini dan hantar kepada imigresen. Sebelum imigresen menempatkan pegawai mereka di EMGS, kita terpaksa pergi ke Jabatan Imigresen. Ini mengambil masa. Dengan kerjasama Jabatan Imigresen

Malaysia, kita juga telah memastikan sekarang ada wakil duduk di EMGS supaya kita lebih cepat dan segera memberi kelulusan. So, EMGS akan terus melaksanakan tanggungjawab ini. Kita akan memantau. Pemantauan ini penting kerana kita hanya hendak memastikan pelajar-pelajar yang wajib, pelajar-pelajar yang tulus dengan real interest untuk menggunakan Malaysia sebagai hab pendidikan. Itu hasrat kita, Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat Kuala Kangsar mencelah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi mengenai kursus-kursus penting yang dijalankan di IPTS seperti undang-undang dan medical menyeluruh kerana menggunakan syarat-syarat paling minimum. Perundangan telah dimoratorium sehingga satu tempoh, manakala kursus kejuruteraan telah di moratorium juga mulai tahun 2011 sehingga 2016 selama lima tahun. Syarat kemasukan kursus kejuruteraan adalah lima kredit bagi memastikan kualiti dan kewibawaan pelajar-pelajar tersebut. Yang Berhormat Kuala Krai...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang jurusan undang-undang. Saya ingin bertanya dan saya bersedia menerima jawapan bertulis. Berapakah universiti swasta sekarang, universiti *private* ini yang menawarkan jurusan undang-undang yang telah pun diiktiraf jurusan tersebut? Itu yang pertama.

Kedua, walaupun ia berkaitan dengan institusi private tetapi saya ingin bertanya juga. Ini kerana saya pernah bertanya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menjawab akan *check* benda itu. Kenapakah untuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini, kenapa, tidak silap saya sehingga sekarang, jurusan undang-undang itu masih lagi tidak diiktiraf? Sedangkan, dalam masa yang sama, kursus itu terus ditawarkan dan pelajar terus ambil dan mereka tidak boleh menjadi seorang peguam setelah graduate. Ini IPTA. Itu saya hendak tanya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada maklumat dan boleh terangkan kenapakah ini berlaku? Dah lama dah benda ini tidak diselesaikan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, buat masa ini saya tidak ada maklumat. Saya akan berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat kemudian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolonglah sebab saya banyak kali Yang Berhormat Timbalan Menteri berjanji tetapi saya tidak dapat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dah bagi dah. Mungkin Yang Berhormat lupa. Biasanya kita bincang dan saya sudah maklum. Tidak apalah. Kalau perlukan bertulis, saya bagi bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang pasal USIM ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saya akan *check*, tetapi sampai sekarang saya tidak dapat jawapan. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saya akan *check* lagi. Sampai bila mahu *check*?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya mohon maaf dan saya akan berikan maklumat ini kemudian kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Ada apa-apa lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak boleh tanyakah kat belakang itu? Belakang itu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak apa, tidak apa. Saya cakup depan. Tidak boleh cakup belakang. Saya hanya pandang Speaker dan Yang Berhormat sahaja boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini kerana saya rasa benda ini benda yang sudah diketahui. Benda IPTA. *In the first place, why is IPTA* ini dibenarkan menawarkan kursus ini?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, kita tamatkan bincang rang undang-undang dulu Yang Berhormat ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Agak-agak esok boleh bagi? Esok?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dengan kuasa Tuhan, sekiranya saya hadir, saya akan berilah. Kalau tidak hadir, tidak berilah. Sabar Yang Berhormat ya. Saya tidak boleh cakup macam itu. Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh mencelah sedikit? Dari Kuala Kangsar.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Boleh, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Ini tentang fenomena tiada jaminan pekerjaan untuk para graduan. Apakah tindakan pihak kementerian ataupun universiti menyediakan persediaan mental kepada graduan? Maknanya mereka ini tidak semestinya akan mendapat pekerjaan secara automatik setelah berjaya di peringkat universiti. Jadi dia tidak menyalahkan kerajaan. Maknanya setelah berjaya, dia menyalahkan kerajaan kerana tidak mendapatkan pekerjaan. Jadi bagaimanakah kita boleh menyediakan satu *mental wellness* kepada pelajar-pelajar ini? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Proses persiapan pelajar dalam IPTA ini ialah kita sentiasa, ini bukan satu proses yang dilakukan *just for the short while* dengan izin. Ini satu proses yang dilakukan sentiasa dalam apa jua jurusan malah sekarang kita sudah maklum kepada guru-guru pun yang di IPTA dan IPGM, IPTA khasnya bahawa zaman akan datang, masa akan datang guru-guru tidak boleh mengharap bahawa automatik akan dapat kerja menjadi cikgu kerana kita akan membuka pasaran. Kita akan memberi peluang kepada ramai lagi guru-guru yang mungkin belajar di IPTS juga memberi peluang menjadi cikgu, bukan sekarang tetapi pada masa akan datang. Kita kena buat persiapan ini awal supaya pelajar-pelajar ataupun murid-murid akan masuk ke universiti pada masa akan datang, akan memahami bahawa kerja-kerja ini tidak automatik, *not by right* tetapi harus kita cuba kerana ramai pelajar yang layak menjadi guru.

Akan tetapi buat masa ini mereka tidak dapat memberi perkhidmatan mereka kepada kerajaan ataupun kementerian tetapi pada masa yang akan datang, mungkin dalam beberapa tahun lagi kita akan meneliti. Kita di universiti, kaunselor-kaunselor di IPTA dan juga di sekolah-sekolah sentiasa memberi maklumat kepada anak murid memilih kerjaya yang akan ada peluang dalam jangka masa yang lama. Kalau hendak masuk dalam bidang perubatan doktor bukan hanya doktor, ada *pharmacist* yang mana ada keperluan. Banyak lagi kerjaya-kerjaya yang ada keperluannya dan ini kita sentiasa memberi maklumat kerjaya-kerjaya yang ada kepada mahasiswa dan mahasiswi di universiti juga sebelum masuk ke universiti juga Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kuala Krai dalam pencelahannya berkata *graduate employability* yang telah menjadi isu di negara-negara maju. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan dalam tahun 2010 Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan juga Pelan Strategik Keusahawanan IPT dan tujuannya ialah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan serta melahirkan lebih ramai graduan usahawan. Dasar ini menggalakkan pelajar IPT menganjak minda mereka daripada *job seeker* kepada *job creator*.

Yang Berhormat Tasek Gelugor dalam isu penilaian kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS bagi memastikan kursus yang ditawarkan memberikan tempat yang tinggi dan strategik. IPTS menawarkan kursus yang memastikan pelajar yang graduate dapat bekerja. Dengan izin, *it means employability graduate* lebih dan kita memberi pengkhususan malah kita menggalakkan IPTS beri kerjasama dengan syarikat-syarikat industri untuk memberi pengalaman dan juga mereka boleh menempatkan mahasiswa dan mahasiswi mereka dalam *training internship* dan sebagainya.

Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Yang Berhormat Indera Mahkota membangkitkan bimbang dengan pengliberalisasian akan membuka ruang untuk penambahan IPTS yang tidak berkualiti. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan ini. Sebenarnya pengliberalisasian yang mengarahkan supaya peraturan, kriteria dan garis panduan disemak supaya diketatkan lagi, memastikan hanya yang berkualiti, bereputasi serta menunjukkan ciri-ciri inovatif sahaja yang diberi pertimbangan.

Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu kursus di IPTS tidak terkawal, terlalu ramai pelajar jurusan kejururawatan tetapi tidak mendapat pekerjaan. Bagaimana kerajaan mengatasi masalah ini? Kursus kejururawatan dibekukan atau moratorium mulai tahun 2011 sehingga tahun 2016 bagi memastikan keseimbangan dan juga penawaran ataupun *balance and supply* tadi di dalam pasaran adalah seimbang. That means daripada tahun 2011 sehingga tahun 2016 tiada lagi kejururawatan telah pun diberi sekarang. Yang Berhormat Bagan Serai, staf akademik sektor IPTS pada tahun 2013...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, sedikit.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Ya Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya juga bangkitkan isu tentang 25 orang pelajar yang baru hantar memorandum petang tadi, masalah mereka dihadapkan ke tata tertib universiti. Saya rasa Menteri belum dapat memorandum itu. Saya nanti minta Bentara hantar kepada Menteri. Kalau boleh 25 orang pelajar ini tidak usahlah. Mereka hanya memperjuangkan nasib petani-petani tentang isu TPPA. Ini isu rakyat. Kalau pelajar mahasiswa universiti ingin perjuangkan isu rakyat, kita harus rasa gembira kerana mereka *care for the country*.

Mereka memperjuangkan nasib orang yang kurang bernasib baik. Ini harus digalakkan dan bukan kerana mereka adakan demo di depan Parlimen, mereka

dihadapkan ke tatatertib. Minta Menteri kalau boleh tegur TNC HEP di universiti masing-masing. Saya akan hantar memorandum kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat tidak mengapa, saya akan tunggu memorandum nanti tetapi *can we stick to the* rang undang-undang? Ramai lagi Ahli Parlimen bangkitkan isu. Pelajar-pelajar itu akan memberi e-mel kepada saya, mereka telah menghantar e-mel dan dokumen itu ada pada kita, tidak perlu. Akan tetapi kalau ada tambahan dokumen, saya minta. Terima kasih Yang Berhormat dan kita akan meneliti permohonan mereka.

Berbalik kepada permohonan Yang Berhormat Bagan Serai. Untuk maklumat Yang Berhormat di sektor IPTS, jumlah pemegang PhD yang beri perkhidmatan ialah 3,249 orang, master ialah 10,106 orang, diploma lepasan ijazah tiada, sarjana muda 8,551 orang, diploma 1,269 orang dan lain-lain kelulusan 1,301 orang. Jumlah staf akademik IPTS dalam tahun 2013 24,476 orang.

Apakah usaha KPM untuk menjadikan IPTS sebagai *research university* atau RU. Blueprint yang dirancang bagi sektor pengajian tinggi telah menetapkan sekurang-kurangnya satu *research university* di kalangan IPTS kerana potensi IPTS yang mempunyai jaringan dengan industri mengadakan penyelidikan yang berbeza tetapi berimpak tinggi.

Yang Berhormat Bagan Serai juga membangkitkan isu penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa. Syarat tempoh maksimum mereka ini berada di sini, tenaga pengajar berkelulusan PhD nisbah 21:1. Adakah tenaga pengajar yang layak dan berkualiti kepada pelajar? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pas pelajar yang dikeluarkan kepada pelajar antarabangsa tertakluk pada tempoh masa pengajian yang diikuti oleh pelajar di mana tempoh minimum ialah satu tahun perlu diperbaharui. Setiap IPTS mempunyai kriteria untuk mempunyai pensyarah lulusan contoh universiti kena ada PhD 20 peratus dan juga master 80 peratus. Kolej universiti pula PhD sekurang-kurangnya 15 peratus dan *master holder* lebih kurang 60 peratus.

Yang Berhormat Kota Raja, berapa peratuskah yang disasarkan untuk rakyat Malaysia yang akan memasuki IPTS? Yang Berhormat, buat masa ini bilangan pelajar di IPTS dan di IPTA adalah lebih kurang sama. Akan tetapi dengan dasar kerajaan bagi mengehadkan penubuhan IPTA, maka peratus pelajar yang akan memasuki IPTA dan IPTS disasarkan lebih kurang 60 peratus pada masa yang akan datang.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, saya tidak faham tadi. 60 peratus daripada apa itu? Adakah 60 peratus daripada kohort ataupun maknanya dalam jangka masa panjang, 60 peratus daripada kependudukan kita?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dalam jangka masa panjang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat, sedikit. Saya ada bagi pendapat tentang kolaborasi antara IPTA dan IPTS. Bermakna IPTA dan IPTS contohnya bergabung untuk *research university*, buat *research* dan sebagainya. Apa pendapat Menteri? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang menggalakkan kerjasama seumpama ini dan kerjasama seperti ini sedang diadakan sekarang, sedang berlangsung dan kita masih menggalakkan. Kerjasama-kerjasama di IPTS dan IPTA bukan sahaja dari segi *research*, pelbagai bidang juga daripada sektor di mana pengajar-pengajar, *lecturer* dan profesor mereka juga sering bekerjasama. Kita bertukar-tukar fikiran dan pendapat. Kita mendapat nasihat daripada semua bidang pengajian tinggi IPTA dan IPTS ini. Kita akan teruskan kerjasama ini.

Yang Berhormat Kota Raja juga telah membangkitkan isu tentang EMGS. Sedikit maklumat Yang Berhormat. EMGS telah bermula pada 4 Februari 2013. Permohonan dibuat oleh IPTS bagi pihak pelajar dan akan dihantar sepertimana yang saya telah beri penjelasan tadi. EMGS, proses menyokong permohonan yang layak ke Jabatan Imigresen untuk proses kelulusan visa dan Jabatan Imigresen akan menyaring dari segi keselamatan. Akan tetapi sebelum ini kita ada masalah kerana pegawai Imigresen di tempat lain, EMGS di tempat lain tetapi sekarang kita untuk memudahkan proses mempercepatkan lagi...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Maknanya sebelum 2013, pengambilan penuntut dari luar negara, penuntut antarabangsa tidak melalui kementerian? Terus melalui IPTS?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat juga minta bagaimana KPM mengawal kursus yang ditawarkan di IPTS-IPTA tidak bertindih dan menyebabkan lambakan graduan dalam kursus yang sama. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Jawatankuasa Dasar Jaminan Kualiti di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membincangkan kursus-kursus, khususnya yang kritikal supaya lambakan dapat dielakkan. So, kita ada satu jawatankuasa dasar yang membincangkan perkara ini supaya bagaimana

kita dapat mengatasi masalah-masalah dan juga mengambil kira kursus-kursus yang ditawarkan. Kita sentiasa mengadakan perbincangan untuk memastikan tidak ada lambakan graduan dalam pasaran nanti. Yang Berhormat Kapar meminta apakah mekanisme yang digunakan untuk mengawal kadar yuran IPTS.

Yang Berhormat, setiap yuran yang dipohon oleh IPTS adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan kepada kajian pasaran, lokasi, prasarana dan kemudahan yang disediakan oleh IPTS. Setelah mengambil kira semua ini, selepas itu kita akan menentukan sama ada kadar yang ditetapkan oleh kursus tersebut, oleh IPTS tersebut sama ada munasabah atau tidak. Semua ini akan diambil kira sebelum kita dapat menetapkan kos sebenar.

Yang Berhormat Gopeng, adakah program perubatan Quest University diiktirafkan? Yang Berhormat, berdasarkan pengawalan data MQA, terdapat dua program perubatan yang telah mendapat akreditasi sementara dan diiktiraf iaitu *Bachelor of Medicine* dan *Bachelor of Surgery* di Quest University.

Yang Berhormat Kota Raja terus juga membangkitkan mekanisme pemantauan pelajar yang terlibat dalam aktiviti jenayah. Terima kasih Yang Berhormat. Dua areas Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Ops Bersepadu bersama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, PDRM. Kesalahan jenayah tertakluk di bawah bidang kuasa PDRM. Manakala kesalahan seperti tinggal lebih masa pula tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

EMGS pula akan melaksanakan penyaringan akademik untuk memastikan pelajar-pelajar antarabangsa yang memenuhi kelayakan masuk ke program yang diluluskan dan diakreditasi oleh Jabatan Pengajian Tinggi dan MQA. EMGS akan menyimpan rekod untuk setiap pelajar antarabangsa dan memantau bahawa hanya pelajar-pelajar yang mencapai prestasi akademik minimum 2.0 CGPA dan kehadiran kursus 80% sahaja yang di benar untuk memperbaharui pas pelajar setiap tahun dan sistem Star EMGS berintegrasi dengan sistem IMSS Jabatan Imigresen dan dapat menghalang pelajar antarabangsa yang mempunyai rekod di Jabatan Imigresen Malaysia daripada memohon pas pelajar atau memperbaharui pas pelajar mereka.

Rekod EMGS dikongsi bersama PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia atau mana-mana agensi penguatkuasaan yang memerlukan. Maka, sekarang kita dapat mengawal kerana kita telah mengetatkan dan tanggungjawab diberi kepada EMGS dan kerjasama EMGS dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam

Negeri dan PDRM membantu kita *to weed out*, dengan izin, pelajar-pelajar yang tak *genuine*.

Yang Berhormat Kota Raja juga meminta bagaimana KPM akan mengawal kemasukan pelajar-pelajar dari Benua Afrika di IPTS kerana kebanyakan terlibat dalam gejala sosial. Baru-baru ini kita dapat mengurangkan sejumlah besar. Seperti mana saya maklumkan tadi, *just want to share some notes* dengan Yang Berhormat. Kita telah berjaya mengurangkan pelajar-pelajar, *serious students- quite a number*. *Maybe I share* dengan Yang Berhormat kemudian. Penurunan pelajar-pelajar daripada benua Afrika ini setelah kita mengenakan syarat-syarat ini, ramai tidak memilih Malaysia. Ada berkurangan tetapi kita ada peningkatan di negara-negara yang lebih *genuine*. Kita ada kekurangan pelajar-pelajar daripada benua Afrika yang datang ke negara ini dengan memberi sebab hendak melanjutkan pelajaran. Sudah kurang kerana kita memantau, kita semak, hanya mereka yang *genuine application* dengan *courses*, kita beri peluang. Ada kekurangan tetapi kekurangan ini dapat ditambahkan daripada pelajar-pelajar dari negara lain.

Selain daripada proses saringan yang dibuat oleh EMGS ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan syarat tambahan merupakan *Non Objection Certificate* (NOC) kepada pelajar-pelajar *South Sahara*. Selain itu, pelajar Nigeria pula perlu mengemukakan *letter of good conduct* sebelum pas pelajar dikeluarkan. That means, pelajar-pelajar spesifik, contoh Nigeria, *they need to bring a letter of student of good conduct*, dengan izin, sebelum kita dapat memberi isu visa pelajar.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kota Raja, sebelum tahun 2013, IPTS perlu berurusan dengan tiga agensi. Sebelum ada EMGS inilah, Jabatan Pengajian Tinggi dan juga Jabatan Imigresen Malaysia, permohonan baru, permohonan kali pertama. Selepas itu untuk renewal, mereka balik kepada Jabatan Imigresen Malaysia. Kali ini mereka semua *one-stop centre*, EMGS akan melaksanakan semua ini.

Sejauh manakah daripada kursus-kursus yang ditawarkan kepada penuntut-penuntut ini dapat ada kerjasama daripada pihak industri dan juga IPTS? Seperti mana yang kita telah maklum kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi Yang Berhormat, KPM menggalakkan IPTS menawarkan kursus-kursus kolaborasi dengan industri bagi memastikan kebolehpasaran pelajar setelah bergraduan. Pelajar akan menjalani latihan industri di sektor yang berkaitan. Pembangunan standard program dalam bidang-bidang tertentu dibangunkan secara kerjasama dengan pihak industri, pakar-pakar bidang, ahli akademik yang mana kerjasama ini dapat menentukan sesuatu kursus tersebut adalah selari dengan kehendak industri.

Yang Berhormat Pasir Gudang, perlu ada garis panduan pelaksanaan pengoperasian IPTS seiring dengan pindaan akta ini. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan piawaian (GPP) yang bertujuan untuk menjadi rujukan kepada pengoperasian sesebuah IPTS. Garis panduan piawaian ini dibangunkan selaras dengan Akta 555.

Yang Berhormat Lumut mencadangkan supaya bahasa kebangsaan dimartabatkan di IPTS. Terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan Akta 555, khususnya seksyen 41 menyatakan bahawa semua IPTS harus menjalankan program pengajian dengan menggunakan bahasa kebangsaan. Namun begitu, pihak IPTS dibenarkan membuat permohonan kepada kementerian bagi menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan. Namun, dalam keadaan sebegini, subjek mata pelajaran umum (MPU) yang merupakan subjek wajib yang perlu dipelajari oleh pelajar IPTS, bahasa kebangsaan diwajibkan. Dalam beberapa subjek teras seperti penekanan akan semangat cintakan negara juga disemai di kalangan pelajar-pelajar IPTS yang mana semua ini menggunakan bahasa kebangsaan.

Yang Berhormat Lumut juga minta bagaimana KPM mengawal pengeluaran permit mengajar kepada pensyarah IPTS dari luar, apakah kriteria yang perlu dipenuhi? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriterianya pematuhan undang-undang Akta 555. Warga negara asing perlu ada permit kerja yang ada tempoh sah laku sebelum mohon permit masuk. Kursus pengajian permohonan hanya dibenarkan mengajar subjek yang diluluskan, tempoh sah laku dalam masa lima tahun dan renewal setiap lima tahun. Kelayakan akademik, contoh PhD., *Master's*, inilah syarat-syaratnya, bidang yang bakal diajar. Kalau hendak ajar Masters, kena ada sekurang-kurangnya PhD. PhD kena ada. Kalau hendak ajar pelajar-pelajar dalam *Bachelors Degree*, kena ada *Masters Degree*. Kalau hendak mengajar pelajar-pelajar Diploma, kena ada kelulusan *Bachelors Degree*. Inilah bidang-bidang yang telah ditentukan.

Yang Berhormat Sik, peranan MQA dalam mengawal kualiti pendidikan yang ditawarkan di IPTS. MQA menjalankan penilaian akreditasi tertutup kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS. Panel Penilaian Akreditasi ini dipohon oleh pihak IPTS bagi tujuan penilaian. Kita sentiasa berhubung dengan IPTS dan juga memantau semua kursus ini dan juga dari masa ke semasa tinjauan ini dibuat secara spontan untuk melihat, untuk semak sama ada IPTS mengekalkan semua syarat yang telah pun dikenakan. Tindakan akan diambil sekiranya IPTS tidak mengikut syarat-syarat yang dikenakan ataupun mengubahsuai keperluan-keperluan untuk pelajar-pelajar tersebut. So, pemantauan ini akan dilakukan setiap masa dan kita akan terus memantau. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain telah memberi banyak cadangan yang mana kita ucapkan terima kasih termasuk Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Langsung tak ada satu dijawab.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Kerana Yang Berhormat Tebrau telah memberi semua cadangan yang kita telah ambil kira. Tidak ada spesifik jawapan yang diminta. Oleh sebab itu kita telah mengambil maklumat semua. Kalau ada yang tertinggal, akan saya beritahu kepada Yang Berhormat nanti.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Sebenarnya ada. Saya bertanya tentang misalnya tentang kita punya sasaran, sebenarnya banyak soalan yang saya tanya.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Mungkin tidak ada kena-mengena dengan rang undang-undang. Mungkin isu pendidikan yang lain. Kalau kena-mengena dengan rang undang-undang, saya sudah jawab sudah. Kalau tidak ada kena-mengena dengan rang undang-undang, bukan sahaja Yang Berhormat Tebrau saya tidak jawab, ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tanya saya tidak jawab kerana tidak ada kena-mengena dengan rang undang-undang.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tanjong belum jawab. Tanjong belum dijawab.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tanjong.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tentang isu apa?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Kolej Hanyang dengan Kolej Era Baru.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak ada kena-mengena dengan rang undang-undang Yang Berhormat. Kalau hendak maklumat itu...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Itu berkaitan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Kalau ada maklumat itu, saya akan beri kemudian kepada Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, ada sedikit lagi Yang Berhormat. Minta maaf. Saya bertanya tentang kolej-kolej yang mendapat permit untuk Kursus-kursus Bahasa Malaysia. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ada. Terima kasih Yang Berhormat. Ini tanya kena-mengena dengan rang undang-undang. Kawalan terhadap kemasukan pelajar antarabangsa ke pusat bahasa. Kemasukan pelajar antarabangsa ke pusat bahasa menggunakan pas pelajar tertakluk kepada kelulusan daripada Jabatan Imigresen. Kementerian Pendidikan Malaysia terlibat dalam memberikan sokongan kepada permohonan tersebut dengan syarat-syarat berikut. Ada beberapa syarat, saya boleh berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat. Di antaranya:

- a) institusi telah berdaftar dan kursus yang ditawarkan telah diluluskan;
- b) hanya institusi pendidikan swasta yang telah mendapat perakuan pengambilan pelajar antarabangsa daripada Kementerian Dalam Negeri sahaja dibenarkan mengambil pelajar-pelajar antarabangsa;
- c) umur pelajar di antara 18 tahun hingga 35 tahun;
- d) kelayakan akademik pelajar mengikut kesesuaian kursus yang dipohon;
- e) prestasi akademik yang baik; dan
- f) kapasiti pelajar yang dibenarkan di institusi.

Walau bagaimanapun, saringan yang ketat dikenakan termasuk warganegara sub-Sahara, Bangladesh, China dan Iran. Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut menjalankan pemantauan dan pemeriksaan secara bersepadu dengan PDRM dan Jabatan Imigresen bagi memastikan IPT tersebut akur kepada prosedur yang ditetapkan.

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Kita menerima cadangan-cadangan yang baik. Isu-isu yang dibangkitkan tidak ada kena-mengena di dalam rang undang-undang juga kita ambil maklum, yang mana yang boleh kita akan cari penyelesaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

PEMBENTANGAN
RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Negara Oleh
Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan,
Timbalan Menteri Pendidikan II

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1966 yang biasanya dirujuk sebagai Akta 555 telah digubal dan mula berkuat kuasa pada 31 Disember 1967. Ia bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pengajian tinggi swasta di Malaysia.

Akta tersebut menyatakan beberapa perkara seperti prosedur penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawal seliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Akta 555 juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar IPTS yang telah dilantik oleh Menteri di bawah Subseksyen 31 untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Akta 555 pernah dipinda sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2003, tahun 2009 dan tahun 2012. Pindaan ke atas Akta 555 pada tahun 2012 melibatkan penyelarasan peruntukan dengan Akta Universiti Kolej dan Universiti (AUKU), Akta 30 yang berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam bidang politik. Pindaan ke atas Akta 555 merupakan suatu usaha berterusan bagi memastikan perkembangan sektor IPTS adalah dikawal oleh peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan yang selari dengan keperluan semasa sektor pengajian tinggi swasta supaya perkhidmatannya adalah berkualiti dan lestari.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyemak Akta 555 dan peraturan-peraturan yang lain sejak tahun 2011 yang didorong oleh perkembangan pendidikan tinggi semasa termasuk proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta yang dijalankan ke atas IPTS bertaraf universiti bermula pada

tahun 2012. Proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta membolehkan pelabur asing memegang ekuiti sebanyak 100 peratus dalam urusan penubuhan IPTS serta memerlukan sektor pengajian tinggi swasta mematuhi prinsip liberalisasi yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada penambahbaikan suasana pendidikan tinggi, ekonomi dan sosial. Antara impak positif yang dihasilkan daripada proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah meningkatkan akses dan ekuiti pendidikan kepada pengguna tempatan dan juga asing, meningkatkan pengantarabangsaan, meningkatkan modal atau pelaburan, meningkatkan pembangunan modal insan, meningkatkan daya saing, meningkatkan kualiti dan seterusnya pengiktirafan dan mengurangkan kos pendidikan ke atas pelajar terutamanya pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara.

Bagi memastikan bahawa persediaan menghadapi proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta berjalan lancar dan berkesan, pelbagai strategi dan aktiviti dan program telah dirancang dan telah dilaksanakan. Perbincangan dan pemantauan pelaksanaan telah diadakan di dalam beberapa siri *Strategic Reform Initiatives Lab* (SRI Lab) dengan izin, mesyuarat bersama agensi-agensi seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan *Malaysian Services Development Council* (MSDC) bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan dan juga sesi konsultasi dengan pelbagai *stake holders* juga turut diadakan. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada usaha-usaha membangunkan kapasiti IPTS oleh kerajaan selain daripada usaha IPTS sendiri untuk berdaya saing dan usaha-usaha untuk mempromosikan peningkatan perdagangan melalui penyingkiran halangan perdagangan bebas.

Dalam hal ini pematuhan prinsip liberalisasi iaitu ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi sering menjadi rujukan. Kuasa Menteri untuk mempelawa pelabur untuk menubuhkan IPTS di bawah seksyen 22 dilihat sebagai bertentangan dengan kewajipan *Most Favored Nation* dengan izin di bawah perjanjian rangka kerja dengan WTO mengenai perkhidmatan, Bahagian II. Sehubungan dengan itu bagi melancarkan pelaksanaan liberalisasi sektor pengajian swasta, maka pindaan kepada Seksyen 22 dengan menyingkirkan amaran permohonan bagi penubuhan dibuat atas pelawaan perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi keperluan liberalisasi Kementerian Pendidikan mencadangkan agar Seksyen 22 di bawah Akta 555 dipotong supaya peruntukannya tidak menjadi halangan atau mengelirukan pelabur asing yang ingin melabur dan

menubuhkan IPTS di Malaysia. Sektor perkhidmatan pendidikan khususnya pengajian tinggi sedang berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan globalisasi telah menghasilkan dan membentuk hala tuju baru pengajian tinggi dengan melahirkan beberapa trend baru seperti pendidikan merentasi negara dengan izin *Transnational Education* (TNE), liberalisasi, kolaborasi dan sebagainya. Arus pembangunan ini telah mengubah landskap pengajian tinggi negara khususnya sektor IPTS di mana pada masa kini didapati ramai pelabur asing telah mula menubuhkan IPTS di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta dilaksanakan untuk menarik pelabur asing bagi menyediakan IPTS bertaraf dan bereputasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, proses liberalisasi menuntut pelbagai keperluan bagi menepati prinsipnya seperti ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi. Proses liberalisasi akan mengurangkan halangan, memudahkan perniagaan dijalankan dan mengukuhkan peraturan domestik. Strategi sedemikian perlu supaya suasana perniagaan menjadi lebih yakin dan kondusif kepada pelabur asing untuk berniaga. Bagi memenuhi keperluan liberalisasi dan di dalam merencanakan proses mengantarabangsakan sektor pengajian tinggi, pindaan Seksyen 22 di bawah Akta 555 adalah penting dan kritikal kerana peruntukannya adalah bercanggah dengan inisiatif proses liberalisasi sektor pendidikan swasta negara.

Pindaannya amat diperlukan kerana sektor pendidikan swasta negara khususnya penubuhan IPTS bertaraf universiti telah pun melalui proses liberalisasi pada tahun 2012. Percanggahan tersebut jika tidak dibetulkan akan menimbulkan isu ketidakpatuhan dasar-dasar liberalisasi antarabangsa. Hal ini akan mengeruhkan imej negara dan menjejaskan hasrat Malaysia untuk menjadi hab pendidikan serantau. Pindaan Seksyen 22 dan seksyen berkaitan dengannya perlulah dilaksanakan supaya tidak membawa implikasi kepada peruntukan lain. Cadangan pindaan adalah untuk memansuhkan permohonan dan bagi penubuhan universiti, kolej universiti dan kampus cawangan dibuat atas pelawaan Menteri.

Dengan pemansuhannya, dasar asal iaitu kelulusan menubuhkan IPTS bertaraf universiti, kolej universiti, kolej dan kampus cawangan luar negara masih kekal melalui Seksyen 6 di bawah Akta 555. Pindaan ke atas Akta 555 akan dapat memenuhi kehendak dasar liberalisasi negara dan seterusnya memudahkan pelabur asing menubuhkan IPTS di Malaysia seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong Seksyen 22, Akta 555 bagi yang menghendaki Menteri membuat pelawaan terlebih dahulu sebelum boleh memohon kelulusan atau menubuhkan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri. Ini selaras dengan dasar liberalisasi perkhidmatan yang berhubung dengan sektor pendidikan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 23, Akta 555 untuk menegaskan tentang kehendak pemakaian peruntukan Akta 555 berhubung dengan permohonan bagi penubuhan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri. Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada sesiapa yang menyokong.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Di Dewan Negara Oleh
Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan,
Timbalan Menteri Pendidikan II**

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas nasihat dan juga cadangan yang telah diberi yang mana saya akan terima dan akan beri laluan sekiranya perlu untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencelah ataupun mendapat penjelasan secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya cuba. Tuan Yang di-Pertua, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas dan dua (2) orang Ahli Yang Berhormat mencelah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah yang telah mencelah apabila perbahasan sebentar tadi.

Rata-rata Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat spesifik tentang rang undang-undang ini, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa akta ini harus dipinda supaya liberalisasi sektor IPTS ini dapat dikuatkuasakan dan akan menjadikan negara Malaysia sebagai satu hab pendidikan. Rata-rata semua Ahli Yang Berhormat Senator bersetuju sebulat suara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan persetujuan.

Walau bagaimanapun, saya terima banyak isu yang telah dibangkitkan walaupun banyak perkara yang dibangkitkan itu tidak kena-mengena dengan rang undang-

undang ini. Namun, saya akan cuba sedaya-upaya memberi jawapan-jawapan tersebut dengan harapan bahawa jawapan-jawapan dan segala isu yang telah dibangkitkan itu, jawapan-jawapan ini dengan secara langsung atau tidak langsung akan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk menjelaskan kepada rakyat Malaysia isu-isu yang telah pun dibangkitkan adanya di antara banyak perkara.

Saya akan mula memberi jawapan-jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat rasa isu-isu yang dibangkitkan tidak tersenarai dalam jawapan saya, saya mohon Yang Berhormat untuk mencelah atau memberi peringatan kepada saya supaya sahabat-sahabat, rakan seperjuangan saya di Kementerian Pendidikan yang bersama-sama saya akan dapat membantu memberi jawapan.

Sekiranya perlu, Yang Berhormat boleh juga menghubungi saya, secara *detail* saya boleh memberi jawapan yang sewajarnya. Saya mula dengan memberi jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang telah membangkitkan paling banyak perkara berkaitan dengan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Datuk Seri, Yang Berhormat Datuk Seri telah meminta statistik terkini IPTS.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita ada 59 buah universiti, 32 buah kolej universiti, sembilan buah kampus cawangan luar negara, 433 buah kolej dan jumlah keseluruhan buat masa sekarang ialah 533. Adakah pindaan ini telah hapuskan moratorium IPTS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, moratorium IPTS yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2013 untuk selama dua tahun ini, moratorium ini masih berkuat kuasa sehinggalah ia dimansuhkan oleh Menteri.

Apakah IPTS akan dinilai menggunakan kod CUGG iaitu Code of Practice Good Governance, dengan izin, seperti di IPTA. Yang Berhormat Datuk Seri, audit yang dilaksanakan ke atas IPTS menggunakan instrumen khusus bergantung kepada fokus audit. Selain itu, pihak MQA juga melaksanakan audit institusi menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit* ataupun dikenali sebagai COPIA. Unjuran kemasukan pelajar asing ke Malaysia sehingga tahun 2020.

Pada tahun lalu, tahun ini kita menganggarkan lebih kurang 140,000 pelajar. Tahun 2015, seramai 150,000 pelajar. Peningkatan ini kita anggarkan 10,000 pelajar meningkat setiap tahun. Tahun 2016, seramai 160,000 pelajar. Tahun 2017, seramai 170,000 pelajar. Tahun 2018, seramai 180,000 pelajar. Tahun 2019, seramai 190,000 pelajar dan pada tahun 2020, kita jangka akan ada lebih kurang 200,000 pelajar asing di negara kita.

Yang Berhormat Datuk Seri juga meminta penjelasan sama ada KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) apakah usaha untuk mengekalkan dan tingkatkan kualiti IPTS. Yang Berhormat Datuk Seri, pengawalseliaan IPTS dijalankan bagi memastikan kualiti IPTS yang ditubuhkan dan beroperasi adalah menepati keperluan semasa. Bagi memastikan kualiti terus ditekankan, antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) empat usaha yang kita laksanakan ialah meningkatkan atau mengetatkan
- b) syarat dan kriteria kualiti;
- c) meminda peruntukan dalam Akta 555 yang mencerminkan usaha tersebut;
- d) rasionalisasi bagi memastikan hanya IPTS yang berkualiti sahaja yang terus
- e) beroperasi; dan
- f) meningkatkan fokus penyelidikan di universiti swasta.

Untuk soalan Yang Berhormat Datuk Seri sejauh mana Kementerian Pendidikan Malaysia mengaplikasikan kebolehpasaran graduan. Yang Berhormat Datuk Seri, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program kebolehpasaran graduan untuk melengkapkan graduan daripada aspek kelayakan profesional dalam pelbagai sektor. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar semester atau tahun akhir yang mempunyai purata nilai gred kumulatif sebanyak 2.5 dan ke bawah serta pelajar daripada bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan daripada industri. Program ini terbahagi kepada tiga *cluster* utama iaitu *structured internship*, dengan izin, program pentauliahan profesional *certification* dan *bridging the gap*, dengan izin. Kesemua program ini dirangka dengan jaringan erat bersama industri dan juga IPTA sekali gus memberikan pelajar program berbentuk *industry driven* dan graduan memenuhi kehendak industri semasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mewujudkan program pusat kecemerlangan industri atau *Industry Centre of Excellence* dengan nama ringkasnya ICoE sebagai platform untuk memberi pendedahan secara *hands-on*, kemahiran *soft skill* dan *hard skill* kepada pelajar dan tenaga pengajar melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri. Pendedahan kepada pelajar dibuat seawal semester pertama pelajar mengikuti pengajian di IPT. Cadangan mata pelajaran wajib Akta 555 perlu ditambah baik dan mesti diajar oleh pensyarah tempatan dan sesuaikan diri pelajar dengan budaya tempatan. Ini merupakan cadangan Yang Berhormat Datuk Seri sebentar tadi.

Untuk maklumat Datuk Seri, mulai September 2013, mata pelajaran umum ataupun MPU telah dilaksanakan di IPTS bagi menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW). Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajian kursus wajib di IPTA,

IPTS dan politeknik. Mata pelajaran yang terkandung dalam MPU meliputi aspek penghayatan falsafah, nilai dan juga sejarah. Penguasaan kemahiran insaniah, penguasaan ilmu pengetahuan di Malaysia dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan juga kokurikulum.

Melalui mata pelajaran MPU atau mata pelajaran umum seperti pengajaran Malaysia, budaya tempatan boleh diterapkan kepada pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa. Mata pelajaran MPU seperti Hubungan Etnik, TITAS, Bahasa Melayu Komunikasi serta pengajaran Malaysia di IPTS secara amalnya diajar oleh pensyarah tempatan. Apakah kriteria pemilihan pelajar asing masuk ke IPTS sama dengan IPTA. Untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Seri, pelajar yang mohon masuk ke IPTS termasuk pelajar asing perlu mematuhi syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan. Bagi pelajar asing, kelayakan akademik adalah tertakluk kepada kelayakan yang dinilai taraf sama dengan kelayakan bagi pelajar Malaysia. Selain itu, pemohon dikenakan syarat penguasaan bahasa Inggeris melalui pencapaian ujian kelayakan seperti TOEFL dan IELTS.

Yang Berhormat Datuk Seri juga membangkitkan isu syarat menjadi tenaga pengajar di IPTS. Tenaga pengajar mestilah berkelayakan dalam bidang yang hendak diajar, perlu satu tahap lebih tinggi daripada program yang diajar contohnya bagi ijazah sarjana muda, pensyarah perlu ada ijazah sarjana. Tenaga pengajar IPTS perlu memohon permit mengajar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Apakah kaedah pemantauan bagi kualiti pensyarah IPTS. Pemberian permit mengajar kepada pensyarah IPTS adalah berdasarkan kelayakan akademik pensyarah dan dokumen-dokumen lain yang diperakukan oleh ketua eksekutif atau naib cancelor. Bagaimana atasi masalah IPTS yang tidak menjaga kualiti akademik demi untuk mendapatkan pelajar.

Semua dokumen itu yang telah disahkan tadi harus disahkan dan diakui sah oleh unit pendaftaran universiti IPTS tersebut dan sekiranya mereka tidak mendapat pengesahan dan sekiranya mereka gagal memberi maklumat-maklumat ini, maka kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Datuk Seri juga minta maklumat tentang IPTS yang telah dibangunkan mengikut wilayah pembangunan negara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, walaupun moratorium telah dilaksanakan, beberapa wilayah seperti Iskandar dan juga Pagoh masih dibuka untuk penubuhan baru ini. Di Iskandar sahaja telah terdapat IPTS seperti berikut; Newcastle University Maxton of Malaysia, University of Southampton, University of Reading Malaysia, Raffles University Malaysia, Masterskill University College, UniKL MITEC, College

Pegasus, Marlboro College dan Netherlands Maritime Institute of Technology. Itu di antara kolej-kolej IPTS yang ada di Iskandar.

Walau bagaimanapun, bagi hab pendidikan Pagoh, ia masih dalam proses perancangan untuk dibangunkan. Apakah sebab-sebab kursus kejuruteraan dibekukan selama lima tahun? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kursus kejuruteraan dibekukan selama lima tahun untuk menyemak semula lambakan kursus dan program kejuruteraan yang pelbagai agar kursus ini mempunyai nilai kebolehpasaran yang baik. Itu sahaja sebabnya mengapa ia dibekukan untuk lima tahun.

Seterusnya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Di antara perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ialah apakah langkah kerajaan pastikan agar pelajar asing tidak salah gunakan visa pekerja. Langkah mengatasi penyakit sosial atas nama visa pelajar. Isu yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat sebentar tadi. Saya akan jawab sekali isu ini.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin isu ini akan menjadi maklumat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, atas sebab-sebab keselamatan dan bagi menjamin keharmonian negara, kerajaan telah memperketat kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini bagi memastikan pelajar tersebut benar-benar terdiri daripada pelajar-pelajar yang tulen ataupun *genuine students*.

Bagi menjamin ketulenan pelajar yang memasuki Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Education Malaysia Global Services (EMGS) sebagai pusat sehenti atau *one stop centre* bagi memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen-dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke IPTS sebelum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses pengeluaran pas pelajar.

Syarat-syarat bagi pelajar antarabangsa untuk memohon pas pelajar melalui EMGS akan disaring melalui dua peringkat. Pertama sebelum memasuki negara kelulusan visa dengan rujukan, saringan akademik EMGS, saringan keselamatan PDRM dan saringan imigresen daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Kedua, selepas memasuki negara kelulusan pengeluaran stiker pas, saringan kesihatan dan bio security EMGS. Dua kali. Satu sebelum masuk dalam negara dan satu lagi setelah masuk dalam negara. Pelaksanaan EMGS adalah berdasarkan pencegahan atau *preventive* di

mana setiap permohonan secara individu dan berkelompok boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan telah mendapat stiker pas, dia akan tertakluk kepada *Standard Operation Procedure* dengan izin agensi penguatkuasaan. Untuk makluman, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia boleh mengambil tindakan secara terus terhadap IPT yang didapati cuai dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang mendaftar di IPT tersebut.

Selain daripada itu Kementerian Pendidikan Malaysia juga melalui bahagian penguatkuasaan dan *inspectorate* turut melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS secara bersepadu bersama agensi kawal selia yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah.

Semua IPTS yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemantauan dan penyeliaan ke atas pelajar antarabangsa di IPTS adalah merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tahap kesedaran IPTS dan juga pelajar didapati meningkat dalam mematuhi garis panduan pengurusan pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu IPTS yang gagal kawal pelajar asing mereka dikenakan tindakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh minta laluan? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Dipersilakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Dengan pemantauan yang sedia ada, kalaulah pemantauan ini dibuat dengan betul-betul, tidak adalah surat khabar yang menyatakan banyak penuntut dari luar negara ini yang terlibat dengan jenayah dan sebagainya. Saya hendak tahu Yang Berhormat kalau boleh, kalau ada sekarang daripada pemantauan ini berapa banyak pelajar yang tidak mengikut peraturan

pelajaran sehinggakan menjadi ataupun buat perkara-perkara lain selain daripada belajar. Saya ingat Yang Berhormat faham. Terima kasih.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman soalan. Berapakah IPTS yang telah pihak kerajaan atau Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee atas isu ini. Saya akan dapatkan maklumatnya dan akan beri jawapan sebentar lagi. Untuk maklumat secara terperinci, kita telah mengurangkan masalah pelajar-pelajar asing yang memberi masalah kepada negara daripada segi jenayah dan sebagainya.

Tanggungjawab EMGS ini kita telah beri tanggungjawab yang begitu penting kepada mereka untuk memastikan. Oleh kerana itulah sekarang sejak kebelakangan ini jumlah pelajar-pelajar yang memberi masalah jenayah ini telah berkurangan tetapi perkara ini kita akan memantau setiap masa dan kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan bukan sahaja terhadap pelajar malah kita juga akan mengambil tindakan terhadap IPT tersebut. Maklumat terperinci akan saya berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee sebentar lagi.

Saya akan terus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Kualiti pendidikan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu sejauh mana Kementerian Pendidikan Malaysia ada mempunyai rekod pensyarah IPTS dari segi kelayakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, rekod-rekod pensyarah ada disimpan di pangkalan data IFMS ataupun IPTS *Information Management System*. Malah banyak maklumat lain seperti profil IPTS pelajar juga disimpan di IFMS ini. Oleh yang demikian, kementerian sentiasa mempunyai maklumat-maklumat terperinci tentang semua pensyarah ini kerana kelulusan pensyarah-pensyarah ini akhirnya akan diberi oleh kementerian. Maka kementerian memang mengawal pensyarah-pensyarah berikut.

Tentang permohonan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga mohon Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji semula pengecualian pembayaran balik PTPTN yang dibuat yang dapat ijazah kelas pertama bagi pelajar di IPTS tetapi diragui kualitinya. Subjektif apa Yang Berhormat katakan itu, *very subjective* tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat ijazah kelas pertama diberi berdasarkan kelulusan senat universiti tersebut. Antara dokumen yang perlu disertakan ialah pertama salinan ijazah sarjana muda kepujian kelas pertama yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mula menyambung pembentangan ini untuk memberikan jawapan kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Vigneswaran semalam apabila mereka bertanya mengenai isu data pelajar antarabangsa yang bermasalah dan ditangkap pihak berkuasa dan pada masa yang sama bertanya berapa banyakkah IPTS yang melanggar peraturan khususnya dalam pengambilan pelajar luar negara yang tidak tulen ataupun *genuine*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa memberi perhatian dan memantau akan isu yang membabitkan pelajar antarabangsa di mana selain kesalahan-kesalahan yang membabitkan intervensi agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan sebagainya, pihak kementerian juga turut memantau kesalahan dan disiplin pelajar antarabangsa berkaitan isu akademik pelajar itu sendiri seperti tidak menepati kadar minimum kehadiran, tahap minimum kelulusan CGPA serta isu-isu disiplin yang lain. Pihak kementerian juga sedang dalam proses memantapkan sistem IFMS IPTS iaitu sistem maklumat IPTS bagi membolehkan kutipan data pelajar antarabangsa. Menurut data daripada Kementerian Dalam Negeri, setakat bulan Disember 2013, seramai 1,390 pelajar telah ditangkap atas kesalahan menyalahgunakan pas pelajar dan juga tinggal lebih masa. Dua (2) kesalahan ini.

Bilangan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 2011 ialah enam (6) buah IPTS. Pada tahun 2012, tujuh buah IPTS. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2013 tiada kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa yang ditarik balik.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, selain ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa, IPTS berkaitan akan dipantau dengan lebih ketat secara berkala atau diberi kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dengan bersyarat atau dipendekkan tempoh kelulusan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang mana saya berhenti semalam dalam menjawab soalan Yang Berhormat tentang mohon Kementerian Pendidikan Malaysia kaji semula pengecualian pembayaran balik PTPTN. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat ijazah kelas pertama diberi berdasarkan kelulusan senat universiti.

Antara dokumen yang perlu disertakan untuk pengecualian ini ialah pertama, salinan ijazah sarjana muda kepujian kelas pertama yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT, salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT dan akuan pelajar bahawa jika dibuktikan ada pemalsuan, pihak PTPTN boleh menarik balik pengecualian bayaran dan ambil tindakan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu menetapkan kelulusan minimum untuk mengikuti pengajian di IPTS untuk memastikan mutu pengajian dapat dikawal. Secara dasar Yang Berhormat, kelulusan minimum ditetapkan berdasarkan tahap pengajian yang ingin diikuti oleh pelajar seperti berikut:

- a) tahap sijil atau Tahap 3 MQF ialah lulus SPM atau setara dengan mendapat;
- b) sekurang-kurangnya kepujian dalam satu mata Pelajaran;
- c) tahap diploma ataupun Tahap 4 MQF ialah lulus SPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran; dan
- d) tahap ijazah sarjana muda atau Tahap 6 MQF -lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C, nilai gred mata pelajaran 2.0 dalam dua (2) mata pelajaran.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan isu untuk meneliti secara serius lambakan penyakit sosial yang dibawa oleh pelajar asing ke Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Ops Bersepadu dari semasa ke semasa bersama agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Hasil dapatan yang diperolehi membolehkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengesyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya menarik balik kelulusan bagi IPTS merekrut pelajar antarabangsa sekiranya dikesan gagal mengawal penglibatan pelajar dalam aktiviti tidak bermoral.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah juga membangkitkan isu yang mana MQA mesti pantau dan kawal IPTS untuk menentukan standard pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MQA sentiasa

melaksanakan pemantauan mengawal kualiti program di IPTS berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a) melaksanakan penilaian program berdasarkan kod amalan akreditasi program;
- b) melaksanakan audit ke atas ipt berdasarkan kod amalan audit institusi;
- c) pembangunan program standard bagi setiap bidang pengajian;
- d) pembangunan program standard untuk semua bidang disiplin; dan
- e) pembentukan garis panduan amalan baik.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Adakah kualiti pendidikan di IPTS sama dengan di IPTA? Ini kerana menurut Yang Berhormat, kursus yang sama ditawarkan di IPTS lebih pendek tempoh pengajiannya dari tempoh pengajian kursus yang sama di IPTA. Contoh yang diberi ialah kursus perubatan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kualiti pendidikan di IPTS dinilai oleh MQA dan kriteria penilaian adalah sama seperti mana penilaian kualiti pendidikan di IPTA. Segala aspek kualiti program dinilai dan diteliti dengan pihak MQA apabila matang akan dinilai sekali lagi oleh MQA untuk mendapatkan akreditasi.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh minta...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berbanding dengan pelajar yang dapat menerima JPA scholarship dan pelajar-pelajar yang ikut IPTS. Masa itu yang saya beri contoh ialah memang benar di mana saya *specifically mentioned*, universiti itu terletak di Indonesia. Jadi, berbanding dengan tiga setengah tahun dan tujuh tahun. Adakah itu bermaksud pelajar-pelajar yang masuk IPTA itu tidak setaraf dengan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran mereka di IPTS? Tidak mungkin. Jadi, ini memang satu keadaan yang tidak adil, sangat tidak adil. Jadi, harap kementerian pandang serius dan ambil tindakan untuk membetulkan keadaan yang tidak adil ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, maklumat Yang Berhormat beri kita ambil serius dan kita akan lakukan siasatan. Untuk maklumat juga, Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (MMC) yang biasanya merekalah yang akan memastikan pemantauan ini. Pada masa yang sama mereka juga akan memastikan kelayakan dan kebolehan pelajar, taraf mana boleh masuk bidang perubatan dan sebagainya. Kita mengetatkan lagi kelayakan pelajar-pelajar ini untuk masuk ke dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, saya sedar apa

yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dan saya akan memantau dan juga menyiasat apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih untuk maklumat secara terperinci itu. Yang Berhormat terima kasih.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu silibus dan kualiti IPTS adalah setaraf dengan IPTA. Sebentar tadilah, isu yang sama juga. Program perubatan spesifik Yang Berhormat, adalah tertakluk seperti mana yang saya katakan tadi kepada Majlis Perubatan Malaysia. Setakat ini, kelulusan bagi menjalankan program perubatan di peringkat ijazah sarjana muda ialah lima tahun. Ini mengikut Majlis Perubatan Malaysia memang lima tahun. Tiga (3) setengah tahun saya pun tidak tahu. Memang tidak boleh, kalau tiga (3) setengah tahun hendak jadi doktor itu, saya tidak tahu hendak jadi doktor yang macam mana. Akan tetapi setahu saya Yang Berhormat...

Dato' Lim Nget Yoon: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Sabar sedikit. Biar saya selesaikan. Memang pada kita lima (5) tahun. Tiga (3) setengah tahun itu tidak ada. Kalau ada seperti mana Yang Berhormat kata sebentar tadi, tolong beritahu kepada kita dan kita akan adakan siasatan. Kita akan memantau dan khasnya dalam bidang perubatan ini kita mengambil pandangan yang serius kerana bukan sahaja kementerian, malah Kementerian Kesihatan melalui Majlis Perubatan Malaysia mengawal ketat pelajar-pelajar berkecualan sarjana muda program perubatan ini. Yang Berhormat hendak mencelah tadi.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya hanya hendak beri maklumat sebab pelajar itu memanglah dari kawasan saya yang saya dapat aduan daripada orang yang memang tahulah dan teliti dengan perkara tersebut. Jadi, pelajar itu sudah tamat pengajiannya dan sudah jadi houseman sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kes-kes yang *isolated* dan spesifik macam ini kalau ada masalah, jumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya dan selesaikan.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya fikir ini bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, fakta-fakta itu mungkin berbeza. Yang Berhormat selesaikan hari ini. Hari ini hari terakhir, Yang Berhormat selesaikan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon juga menyatakan apakah hukuman yang dikenakan kepada pelajar yang melakukan jenayah. Kesalahan jenayah adalah terletak di bawah tindakan Polis Diraja Malaysia. Sekiranya pelajar disabit atas kesalahan jenayah, pihak institusi berhak membuang pelajar berkenaan dan nama pelajar tersebut juga akan dimasukkan di bawah Senarai Syak Jabatan, *Immigration Suspect List*, dengan izin, di mana pelajar tersebut tidak akan dibenarkan masuk semula ke Malaysia.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam memastikan lambakan pelajar? Yang Berhormat, antara bentuk kawalan penawaran kursus perubahan ditawarkan di IPTS oleh MMC mengenakan kuota untuk pelajar-pelajar yang ingin memasuki program ini. Ini adalah untuk memastikan graduan yang dihasilkan nanti benar-benar berkualiti dan dapat menggunakan segala kemudahan yang terdapat di IPTS berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon juga meminta langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan lambakan pelajar lepasan program kritikal. Saya telah menjawab soalan itu tadi. Selain itu, langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan dengan isu dengan melaksanakan moratorium ke atas bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Ini juga dapat memastikan bahawa pelajar yang memasuki bidang kritikal yang dikawal oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Kesihatan supaya isu pengangguran tidak berlaku.

Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong yang juga membangkitkan isu mohon IPTS berkualiti sahaja dibuka di Malaysia. Kementerian telah meletakkan syarat dan kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh universiti luar yang ingin menubuhkan cawangan di Malaysia. Di antara kriteria tersebut adalah universiti tersebut mestilah tersenarai sebagai 100 buah universiti terbaik mengikut *Times Higher Education Ranking*, dengan izin. Universiti tersebut juga perlu mempunyai program-program yang bermutu di samping mempunyai kemampuan untuk beroperasi. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som juga seterusnya memohon hak pendidikan di Malaysia galakan IPTS dari Jepun dan Korea selaras dengan Dasar Pandang ke Timur. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana negara yang ingin menubuhkan IPTS negara ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menetapkan dasar mendapatkan kelulusan dari Menteri bagi menubuhkan IPTS bagi memastikan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan dipatuhi. Untuk makluman, IPT dari negara India dan juga China akan beroperasi di Malaysia dan juga dalam Dasar *Second Wave of Look East Policy*,

dengan izin. Itu juga menekankan ada pergabungan dan kerjasama erat dengan negara-negara khasnya seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jepun dan juga Korea.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, apakah kriteria yang boleh membantu kolej dan kolej universiti dinaiktarafkan? Terima kasih Yang Berhormat. Di antara kriterianya ialah:

- a) kolej atau kolej universiti tersebut perlu mempunyai rekod yang baik selama operasi sebagai kolej atau kolej universiti;
- b) 20 peratus daripada tenaga pengajar terdiri daripada pengajar atau pensyarah yang berkecualan PhD;
- c) mempunyai modal berbayar RM15 juta hingga RM20 juta Malaysia; dan
- d) program-program pengajian ditawarkan institusi tersebut sudah mendapat akreditasi daripada MQA.

Seterusnya soalan mengenai berapakah IPTS yang terpaksa ditutup dan apakah sebab ianya ditutup? Setakat ini Yang Berhormat, 17 buah IPTS telah dibatalkan pendaftarannya, 58 buah pula dibatalkan penubuhannya. Antara sebab ditutup adalah kerana tidak mampu memenuhi obligasi kepada pelajar serta tidak mampu kekal berdaya saing.

Dalam usaha membantu IPTS untuk kekal beroperasi secara sihat dan kekal berdaya saing, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Ops Kelestarian bagi mendapatkan petanda-petanda awal agar penambahbaikan dapat diambil oleh IPTS. Yang Berhormat senator juga membangkitkan isu apakah pelajar asing diwajibkan mengambil kursus Bahasa Malaysia? Melalui pelaksanaan penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) seperti mana yang telah saya jelaskan semalam, di IPTS bermula pada September 2013, pelajar antarabangsa di IPTS diwajibkan mengambil Mata Pelajaran Umum yang melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi dan Pengajian Malaysia.

Adakah pemotongan Fasal 2 hanya untuk IPTS dari luar negara sahaja atau terpakai untuk IPTS dalam negara? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemansuhan Seksyen 22, Akta 555 akan memperlihatkan semua pihak sama ada permohonan itu dari luar negara dan juga tempatan. Kementerian akan memastikan semua akan terlibat dan juga pada masa yang sama penubuhan universiti, kolej universiti, kampus cawangan di Malaysia mendapat pelawaan daripada Menteri terlebih dahulu akan kita keluarkan dari akta ini.

Apakah nisbah pelajar IPTA dan juga IPTS? Jumlah pelajar di IPTA dan IPTS adalah hampir sama di mana setakat tahun 2013 bilangan pelajar di kedua-dua institusi tersebut adalah seperti berikut:

- a) di IPTA, 560,358 orang pelajar; dan
- b) di IPTS 484,863 orang pelajar.

Nisbah enrolmen pelajar IPTA kepada pelajar IPTS adalah 1.2:1. Adakah IPTS boleh pohon kembali sekiranya permohonan pertama gagal dan berapa lamakah IPTS boleh dapat keputusan lulus atau gagal sekiranya Fasal 2 dimansuhkan? Boleh Yang Berhormat. IPTS perlu membuat penambahbaikan dan memohon semula. Kedua, berapa hari? Selama 45 hari bekerja.

Yang Berhormat senator Tuan Mohd. Khalid juga yang membangkitkan isu mohon Kementerian Pendidikan Malaysia tambah IPTS yang berteraskan teknikal dan vokasional untuk meningkatkan tenaga mahir di Malaysia. Ini memang sehaluan. Cadangan ini sehaluan landasan TVET, Kementerian Pendidikan Malaysia supaya IPTS juga boleh memainkan peranan dalam meningkatkan tenaga mahir di Malaysia.

Yang Berhormat Puan Bathmavathi mencadangkan supaya IPTS menawarkan biasiswa untuk OKU bagi menggalakkan lebih ramai OKU melanjutkan pelajaran mereka. Yang Berhormat, pihak kementerian melihat perkara ini sebagai satu cadangan yang baik dan akan menggalakkan IPTS untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar terbabit dan akan mencadangkan agar perkara ini dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada *Corporate Social Responsibility* (CSR), dengan izin, kepada pihak IPTS.

Tentang aspek kemudahan untuk pelajar-pelajar OKU pekak dan buta khususnya perkhidmatan seperti bantuan juru bahasa dan kemudahan braille. Pihak kementerian menggalakkan IPTS untuk menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU berdasarkan kemampuan IPTS terbabit dan kita akan sentiasa menggalakkan dan membantu mereka di mana yang perlu. Yang Berhormat juga mencadangkan perlu ada satu unit khas di hal ehwal pelajar IPTS untuk membantu pelajar-pelajar OKU secara khusus. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggalakkan amalan ini ke IPTS sebagai *best practices* dan bergantung kepada kemampuan IPTS masing-masing.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah membangkitkan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan jumlah pensyarah selaras dengan peningkatan bilangan IPTS dan siapakah pihak yang akan membantu pemantauan akan kualiti pensyarah agar lebih ramai pensyarah di IPTS berkelayakan PhD?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah yang diambil oleh kementerian dalam meningkatkan jumlah pensyarah berkualiti dengan kelayakan PhD. di sektor pengajian tertinggi swasta adalah seperti melalui Program *MyBrain15* seperti *MyMaster*, *MyPhd*, dan juga *MyPhD Industry* di mana tenaga pengajar di IPTS yang memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian boleh memohon dan menyertai program *MyBrain15* tersebut dan akan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master dan PhD. Berhubung dengan pemantauan aspek kualiti, pensyarah di IPTS di Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pengajian Tinggi dan MQA akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti pendidikan dan kualiti pengajar pensyarah di IPTS adalah terjamin.

Berapakah jumlah pelawaan yang telah dibuat sebelum akta ini diluluskan? Soalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Jumlah keseluruhan IPTS yang dipelawa setakat hari ini adalah sebanyak 126 buah IPTS. Sebanyak 100 IPTS yang bertaraf universiti dan kolej universiti telah didaftarkan setelah mendapat pelawaan daripada Menteri, 26 IPTS lagi sedang dalam proses pendaftaran setelah mendapat pelawaan daripada Yang Berhormat Menteri.

Mohon Yang Berhormat Menteri kawal penubuhan IPTS. Yang Berhormat, pemansuhan Seksyen 22 mungkin dilihat oleh sesetengah pihak sebagai memberi laluan kepada penubuhan IPTS ini tanpa kawalan. Sebaliknya, kementerian telah dan sedang mengambil beberapa tindakan bagi mewujudkan dan mengadakan peraturan domestik supaya hanya IPTS yang bereputasi, berkualiti, bertaraf antarabangsa dan mendapat pengiktirafan sahaja ditubuhkan di Malaysia. Malah, apabila kita ada pelawaan daripada Yang Berhormat Menteri pun mereka juga melalui semua kawalan yang saya maksudkan sebentar tadi. Yang Berhormat...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya menceleh sedikit?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dipersilakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa kemusykilan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Noriah Mahat tadi ini tentang perlunya pengawalan yang lebih ketat ada kaitannya dengan pengenalan Yang Berhormat berikan sewaktu membentangkan rang undang-undang ini iaitu tentang apa Yang Berhormat istilahkan sebagai liberalisasi pendidikan tinggi dan ini amat menakutkan. Apatah lagi Yang Berhormat tidak menjelaskan maksud liberalisasi itu.

Liberalisasi sebenarnya bagi yang berumur di bawah 50 tahun dekat sini, liberalisasi pendidikan pernah memecahkan UMNO dan MCA dalam pilihan raya tahun 1959, di mana MCA menuntut supaya diadakan liberalisasi pendidikan tetapi pihak UMNO menentang dan sehingga Persatuan Guru-guru Melayu menarik diri pada UMNO. Jadi, perkataan liberalisasi pendidikan itu saya rasa perlu dijelaskan apa maksudnya. Ini kerana kalau dibiarkan liberalisasi pendidikan boleh menyebabkan semakin melebarnya jurang akademik, jurang sosial, jurang ekonomi antara kaum di negara ini.

Jadi, perkataan liberalisasi itu malah ada orang DAP katakan pada saya ini cerita DAP kah cerita UMNO ini? Jadi, istilah itu mengelirukan dan itu yang antara kemusykilan-kemusykilan yang timbul termasuk yang ditimbulkan Yang Berhormat Jaspal kelmarin. Jadi, penjelasan tentang huraian yang tuntas tentang istilah liberalisasi pendidikan itu perlu dijelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Profesor Dato' Dr. Penjelasan terperinci tentang liberalisasi boleh saya pergi secara peribadi kemudian. Akan tetapi, jangan khuatir pasal hal ehwal institusi IPTS swasta yang akan dibina, liberalisasi ini dari segi memberi peluang kepada universiti-universiti lain membawa datang terus pada Malaysia memohon.

Sebelum ini pelawaan dibuat. Sekarang tidak perlu pelawaan. Akan tetapi yang paling penting ialah kita akan memastikan hanya yang berkualiti yang hanya dapat memenuhi keperluan negara kita dalam bidang-bidang tertentu dan universiti-universiti yang terbaik sahaja kita akan bawa sekiranya dapat menambah baik dan menambahkan lagi kemahiran dan kebolehan, kewibawaan pelajar-pelajar kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat juga. Apakah kawalan yang dibuat oleh MQA terhadap kursus yang ditawarkan oleh IPTS? Sejauh mana fungsi MQA boleh ditambah baik untuk memastikan kualiti pendidikan dapat ditingkatkan. Yang Berhormat, MQA sentiasa menjalankan pemantauan dan mengawal kualiti program di IPTS berdasarkan kepada perkara-perkara berikut yang mana saya telah maklumkan tadi.

MQA juga sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan kualiti pendidikan pengajian tinggi dapat ditambah baik. Selain itu, MQA juga turut bersama dalam jawatankuasa teknikal yang diwujudkan dengan badan profesional contohnya Majlis Perubatan Malaysia dan juga Lembaga

Jurutera Malaysia. MQA juga turut mengadakan kerjasama dengan badan jaminan kualiti luar negara contohnya *Quality Assurance Agency for Higher Education UK*, *New Zealand Qualifications Authority* dan *Brunei Darussalam National Accreditation Council*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Jaspal Singh membangkitkan isu tentang Kementerian Pendidikan Malaysia perlu ada statistik berkaitan graduan yang telah menamatkan pengajian dan telah atau tidak memasuki alam pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini maklumat pada tahun 2013 walaupun Ahli Yang Berhormat tidak ada di Dewan ini, saya akan menjawab soalan ini kerana maklumat ini penting supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lain dapat mengambil maklumat ini.

Kementerian membuat kajian dan kajian ini dibuat di kalangan graduan-graduan di institusi pengajian tinggi, IPT dan juga IPTS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada tahun 2013, 75 peratus pelajar dikategorikan sebagai sudah boleh bekerja atau tidak, katakan belum bekerja dan kategorinya empat. Kategori yang bekerja ialah 47 peratus dapat bekerja, 19 peratus melanjutkan pengajian, 1.4 peratus meningkatkan kemahiran, 6 peratus menunggu penempatan kerja. Maksudnya 75 peratus ini, 50 peratus daripada mereka sudah mendapat kerja dan bakinya ingin menambah baik kelayakan mereka daripada segi melanjutkan pengajian, daripada segi meningkatkan kemahiran dan ada juga menunggu penempatan pekerjaan. Hanya 25 peratus sahaja yang belum bekerja tetapi kita akan memastikan mereka ini, kita akan membantu mereka daripada segi contohnya kita telah menyediakan *job portal* dan sebagainya, *MyJobs* untuk membantu mereka mendapatkan kerja dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon minta penjelasan. Yang Berhormat kata hanya 25 peratus yang tidak dapat pekerjaan. Saya fikir kalau kira peratusan boleh jadi 25 peratus itu rendahlah. Akan tetapi kalau kira bilangannya 25 peratus itu boleh menjadi *it goes into* 100,000. Jadi, adakah Yang Berhormat ada angka. jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain, adakah angka ini tinggi atau pun sederhana atau pun rendah? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, saya buat masa ini tidak ada data perbandingan kerana memandangkan soalan ini baru dibangkitkan sekarang. Bila ada maklumat ini saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat. Akan tetapi data ini *the first six months* Yang Berhormat, *first six months* sahaja. Pelajar-pelajar ini ada yang sudah mendapat kerja tetapi belum mendaftarkan diri. Selain

daripada menunggu penempatan pekerjaan, mereka memilih bidang-bidang yang mereka telah ada kelulusan. Contohnya kalau dia kelulusan dalam bidang ekonomi, mereka hendak cari kerja-kerja dengan perbankan dan sebagainya. Akan tetapi dalam jangka masa yang lebih mereka telah pun berjaya mendapat kerja.

Seperti mana yang saya katakan tadi Yang Berhormat Tan Sri, kita di Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Sumber Manusia dan juga *MyJobs portal* ini sentiasa mempromosikan dan sentiasa memaklumkan kepada graduan-graduan ini pada hari graduan mereka untuk membantu mereka mendapat pekerjaan. Kita akan sentiasa memastikan graduan-graduan kita ini mendapat pekerjaan dalam masa yang singkat. *Target* kita memang kalau boleh dalam masa enam (6) bulan mereka dapat kerja. Akan tetapi ada di antara mereka memilih spesifik bidang-bidang keperluan mereka sahaja. Akan tetapi saya ambil maklum apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi dan maklumat yang terperinci akan saya berkongsi dengan Yang Berhormat Tan Sri apabila saya dapat kemudian. Terima kasih Tan Sri.

Yang Berhormat Datuk Jaspal juga membangkitkan isu tentang kajian semula tentang kualiti pendidikan terutamanya di IPTA dan IPTS bukan hanya tambah bilangan tetapi sahaja dapat meningkatkan kualiti di IPT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa menekankan kualiti dan tidak berhasrat untuk meningkatkan kuantiti IPTS. Bagi membantu kementerian merealisasikan hasrat tersebut pihak kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) syarat dan kriteria penubuhan IPTS baru diperketat;
- b) memperkasakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke atas IPTS; dan
- c) pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS berstatus universiti, kolej universiti dan kolej yang baru untuk tempoh dua tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2015.

Yang Berhormat Datuk Jaspal juga membangkitkan isu tentang ranking IPT di persada antarabangsa. Saya ingin memberi penjelasan ini. Saya akan mengambil sedikit masa Tuan Yang di-Pertua kerana saya harus memberi penjelasan ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa universiti-universiti di Malaysia ini juga ada kualitinya dan *ranking*nya tersendiri. Kementerian mempunyai iltizam yang tinggi dan komited untuk memastikan institusi pengajian tinggi di Malaysia setanding dengan IPT luar negara. Pelbagai usaha dilakukan bagi merealisasikan hasrat tersebut termasuklah mengambil bahagian dalam penilaian *ranking* universiti bagi mengetahui tanda aras semasa IPT tempatan. Walaupun IPT tempatan masih tidak dapat tersenarai dalam 200 universiti terbaik dunia, namun usaha yang bersungguh-sungguh telah dilaksanakan dan akan diteruskan bagi memastikan hasrat tersebut

tercapai dengan jayanya. Sekiranya dirujuk kepada kedudukan universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dalam *QS University Rankings: Asia* dari tahun 2010 hingga tahun 2013, kesemua universiti penyelidikan kita berada dalam kedudukan 80 terbaik.

Sebagai contoh bagi tahun 2013, Universiti Malaya berada pada kedudukan ke-33, Universiti Kebangsaan Malaysia kedudukan ke-57, Universiti Sains Malaysia ke-61, Universiti Teknologi Malaysia ke-68 dan Universiti Putra Malaysia ke-72. Sementara dalam *QS World University Rankings* dari tahun 2008 hingga tahun 2013 pula, kelima-lima universiti penyelidikan kita berada dalam kedudukan 400 terbaik melainkan kedudukan Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2011 di kedudukan 401 hingga 450 dan Universiti Putra Malaysia pada tahun 2013 di kedudukan 411 hingga 420. Sebagai contoh bagi tahun 2013, Universiti Malaya berada pada kedudukan 167, Universiti Kebangsaan Malaysia ke-269, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia berkongsi kedudukan ke-355 dan Universiti Putra Malaysia kedudukan 411 hingga 420.

Untuk makluman Ahli Dewan Negara sekalian, kementerian berpandangan bahawa ranking sesebuah IPT lebih relevan jika penanda arasnya dilihat daripada aspek bidang pengajian. Hasil keputusan terkini *QS World Rankings by Subject 2014* memperlihatkan pencapaian yang sangat memberangsangkan iaitu lapan buah universiti kita iaitu lima (5) universiti penyelidikan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Multimedia telah berjaya memenuhi kriteria standard antarabangsa menerusi penilaian 30 bidang pengajian dan seterusnya melakarkan kedudukan dalam 200 senarai terbaik dunia.

Di samping itu, Universiti Sains Malaysia telah membanggakan negara dengan menduduki tempat ke-38 bagi bidang kejuruteraan kimia dan tempat ke-30 dalam bidang sains alam sekitar dalam penilaian *QS World Rankings by Subject 2013*. Kecemerlangan Universiti Sains Malaysia diteruskan dalam bidang sains alam sekitar ini apabila menduduki tangga ke-28 dunia dalam penilaian *QS World Rankings by Subject 2014*. Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia pula telah mencatatkan kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 terbaik dunia bagi 50 universiti yang berusia 50 tahun ke bawah dalam penilaian *QS University Rankings, top 50 under 50* tahun 2013.

Sebagai tambahan, Universiti Putra Malaysia telah mencatatkan kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 dalam dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2012*. Kedudukan tersebut diperbaiki dan Universiti Putra Malaysia terus

cemerlang dengan kedudukan ke-16 dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2013* mengatasi *National University Singapore* yang hanya menduduki tangga ke-44.

Biarlah kita ceritakan kecemerlangan ini Tuan Yang di-Pertua. Kecemerlangan ini terlarak dalam semua dokumen antarabangsa. Jangan asyik kita katakan universiti kita tercorot, tercorot, tercorot. Pencapaian ini kita akan ketengahkan. Maklumkan kepada rakyat, ini pencapaian kita. Kita sedar, kita akan terus memastikan pencapaian ini ditingkatkan. Hasrat kita memberi pelajar-pelajar universiti yang terbaik. Bukan sahaja itu, dengan izin, *we need employable graduate and that's what we are focusing at* Tuan Yang di-Pertua. *Thank you very much* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan, adakah penubuhan hab pendidikan di negara ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi atau bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi, pihak kementerian menekankan pembangunan ekonomi melalui penubuhan dan pengoperasian IPTS yang bereputasi, bertaraf antarabangsa dan diiktiraf agar ia dapat seterusnya melahirkan modal insan yang berinovasi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa bagi mengangkat dan mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju. Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan isu pendidikan pengajian tinggi di Malaysia sudah terlalu liberal, mohon supaya kolej-kolej kecil digabungkan dan ditingkatkan kualiti pendidikan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Biar saya habiskan dulu Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian meliberalisasikan sektor pengajian tinggi swasta untuk memastikan IPTS-IPTS lebih kompetitif bagi meningkatkan reputasi pengajian tinggi swasta negara. Kementerian tidak berhasrat untuk menjadi terlalu liberal, tetapi sebaliknya untuk mengawal sektor pengajian tinggi swasta negara yang diliberalisasikan melalui peraturan domestik. Cadangan bagi menggabungkan kolej-kolej kecil merupakan kaedah yang sedang dikaji oleh pihak kementerian dan ia merupakan sebahagian daripada strategi liberalisasi bagi meningkatkan tahap kompetitif IPTS khususnya IPTS berstatus kolej. Yang Berhormat yang mohon pencelahan tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya alu-alukan kejujuran Yang Berhormat Timbalan Menteri bila mengatakan bahawa salah satu matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi ini ialah bersifat ekonomik. Saya berterima kasih atas kejujuran memberikan jawapan seperti itu. Akan tetapi kalau ini dijadikan sebagai matlamat ekonomi, saya rasa sebagai mana juga matlamat-matlamat ekonomi yang lain, kita mesti mempunyai unjuran umpamanya 20 tahun dari sekarang, apa yang kita harapkan dengan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi ini.

Selain dari itu juga, apabila kita melaksanakan pembangunan ekonomi, yang tidak boleh dilupakan ialah akibat-akibat sosial yang lain daripada pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Ertinya akan berlaku pelebaran jurang antara yang berada dengan tidak berada, jurang antara bandar dan luar bandar, jurang antara kita dengan pelajar-pelajar yang kita didik itu. Jadi, ini saya minta supaya diberi perhatian agar jangan nanti kata orang kita melabur tetapi apa yang kita labur itu tidak membawa pulangan yang kita harapkan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terima baik apa yang telah dibangkitkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita katakan tentang liberalisasi tadi, Yang Berhormat juga sentuh pengliberalisasian yang kita maklumkan di pendidikan tinggi swasta berkaitan dengan pengliberalisasian perkhidmatan dan bukannya pengliberalisasian pendidikan. Untuk makluman, pengliberalisasian pendidikan tinggi swasta ini akan menggerakkan pelaburan dan pelabur asing supaya IPT luar negara ditubuhkan di negara ini yang akan meningkatkan daya saing antara IPTS.

Kejujuran ini bukan sahaja saya sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan, malah Kementerian Pendidikan Malaysia secara seluruhnya dari Yang Amat Berhormat Menteri, Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dr KSU, Profesor KSU iaitu Dato' Dr. Zaini Ujang dan semua kakitangan dan pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, memang jujur untuk melaksanakan komitmen ini. Ini kerana kita tahu dan kita sedar bahawa masa depan negara kita ini memang dalam arus pendidikan. Semua, daripada semua pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, kita memang bertekad untuk memastikan hala tuju dan masa depan negara ini dibawa naik bersama untuk memartabatkan lagi pendidikan negara kita. Itu hasrat kita, kami perlu kerjasama dan sokongan dari semua Ahli-ahli Dewan Negara untuk menguar-uarkan pencapaian, menguar-uarkan kecemerlangan. Kementerian Pendidikan, sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, IPTS, kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik dan semua termasuk prasekolah juga merupakan pencapaian kita

yang boleh kita banggakan. Ceritakanlah kepada rakyat kebanggaan dan kecemerlangan kita juga.

Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia akan menangani isu kualiti pelajar IPTS atau IPTA agar boleh dipasarkan selepas mereka menamatkan pengajian. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan untuk melengkapkan graduan dari aspek kelayakan profesional dalam pelbagai sektor. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar semester tahun akhir yang mempunyai purata nilai gred kumulatif 2.5 dan ke bawah serta pelajar dari bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan daripada industri. Program ini terbahagi kepada tiga kluster utama iaitu *Structured Internship*, Program Pentauliah Profesional (*Certification Programme*) dan *Bridging the Gap*.

Kesemua program ini dirangka dengan jaringan erat bersama industri dan IPTA sekali gus memberi pelajar program berbentuk *industry driven* dan graduan memenuhi kehendak industri semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mewujudkan Program Pusat Kecemerlangan Industri, *Industry Center of Excellence* (ICoE) dengan izin, sebagai platform untuk memberi pendedahan secara hands on, kemahiran *soft skills* dan *hard skills* kepada pelajar dan tenaga pengajar melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri. Pendedahan kepada pelajar dibuat seawal semester pertama pelajar mengikuti pengajian di IPT.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi Abdullah, sahabat saya yang membangkitkan beberapa isu semalam. Untuk mengkaji balik yuran kolej swasta agar anak-anak tempatan dapat memasuki kolej atau universiti swasta kerana didapati yuran yang dikenakan oleh pihak IPTS pada masa ini terlalu mahal. Yang Berhormat, pihak kementerian mengawal selia yuran pengajian yang dikenakan di IPTS supaya ia berpatutan dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Di mana walaupun pihak IPTS diberikan kebenaran dalam menetapkan yuran pengajian di institusi masing-masing, ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak kementerian terlebih dahulu.

Kepelbagaian program pengajian dan kehadiran IPTS yang pelbagai dengan yuran pengajian yang pelbagai memberi peluang dan ruang yang cukup luas kepada pelajar untuk memilih IPTS yang bersesuaian mengikut kecenderungan bidang pengajian yang ingin diikuti dan kemampuan kewangan pelajar. Kursus pengajian yang berkualiti seperti yuran pengajian yang relevan boleh menjadi satu indikator kepada pelajar dalam membuat pemilihan IPTS yang bersesuaian. Buku informasi IPTS yang mengandungi maklumat berkaitan program pengajian dan yuran pengajian yang ditawarkan di IPTS juga dilihat dapat membantu para pelajar membuat perbandingan

dalam memilih IPTS yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masing-masing.

Yang Berhormat juga membangkitkan sama ada saringan dibuat kepada kolej swasta yang akan dibuka di Malaysia. Setiap permohonan penubuhan baru IPTS akan dinilai oleh pihak panel yang dilantik oleh pihak kementerian semasa sesi pembentangan kertas cadangan penubuhan IPTS baru oleh pihak pemohon. Di mana pihak panel akan menilai permohonan tersebut berdasarkan kriteria-kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Keputusan panel tersebut akan dinilai oleh pengurusan tertinggi sebelum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi juga, apakah kajian telah dibuat dalam isu menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia. Adakah gejala sosial yang dibawa oleh pelajar asing ini telah dikaji. Yang Berhormat, kementerian akan sentiasa memantau isu pelajar antarabangsa dan akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu gejala sosial yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa. Sebagai contoh, kementerian telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen bagi menangani isu penyalahgunaan pas pelajar.

Berhubung dengan kajian pengantarabangsaan iaitu bagi menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia, perlu ditekankan di sini bahawa kementerian akan sentiasa memantau perkembangan semasa pengantarabangsaan agar sektor pengajian tinggi negara dapat memenuhi keperluan dan perkembangan semasa. Kementerian juga sedia menyediakan blue print pengantarabangsaan selain melaksanakan perancangan mobiliti pelajar dengan kerajaan luar negara seperti Australia menerusi Pelan Colombo dan sebagainya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Hendak habis dah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Last laps.*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terakhir. Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi juga, apakah dasar pengurusan dan pengambilan pelajar di IPTS dikemas kini dan diketatkan? Sejak EMGS ditubuhkan, pelbagai dasar, syarat dan kriteria telah disemak semula dan dikemaskinikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan amalan pengurusan pelajar antarabangsa. Perkara ini dilakukan bagi menambah baik kualiti serta bagi mengadakan amalan terbaik bagi menjaga kebajikan pelajar antarabangsa khususnya dalam aspek pengurusan dan pengambilan pelajar antarabangsa oleh pihak IPTS.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan-jawapan saya. Saya harap saya telah memenuhi nasihat Tuan Yang di-Pertua kerana soalan-soalan yang dibangkitkan berkualiti. Saya harap jawapan-jawapan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan juga berkualiti. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana rasa jawabannya tidak terjawab, sila hubungi saya. Saya akan cuba sedaya upaya untuk memberi maklumat terperinci kepada Yang Berhormat. Akhir kata dua (2) rangkap pantun dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Terbang selisih si burung kedidi,
Terbang berduyun di waktu pagi,
Terima kasih daun keladi,
Di persidangan yang akan datang kita jumpa lagi.

Bersarang lebah di pohon palas,
Burung kelicap di pohon selasih,
Pengetahuan bertambah penerangan jelas,
KPM mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Pengerusi mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]